# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 50 — RABU 10HB DISEMBER, 1980. — 1401 رابو 2 صفر — PERCHUMA


## BERIKAN KERJASAMA YANG JUJOR DAN IKHLAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mengingatkan penghulu2 dan ketua2 kampong di-seluroh negeri tentang mustahak-nya mereka memberikan kerjasama yang sa-penoh-nya dengan jujor dan ikhlas kapada Kerajaan Baginda.

Hanya berbuat demikian, titah Baginda, Insha Allah sa-suatu kerja yang di-usahakan oleh Kerajaan Baginda itu akan dapat di-laksanakan dengan terator dan hasil-nya akan dapat di-nekmati bersama.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian di-majlis keshukoran bagi meraikan Hari Keputeraan Baginda yang ke-34 tahun di-Dewan Persantapan, Dewan Majlis di-sini malam Ahad yang baru lalu yang di-sembahkan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah Brunei dan Muara.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampong, titah Baginda Yang Dipertuan ada-lah sa-bahagian daripada jentera kerajaan yang mempunyai perhubongan dan pertalian yang paling rapat dengan anak2 kampong-nya masing2.

"Dengan yang demikian ada-lah penting bagi penghulu2 dan ketua2 kampong menjalankan daya usaha yang bijaksana untok memupok kehormonoian kampong mereka masing2 supaya keamanan dan kesejahteraan kampong mereka khas-nya dan negeri kita Brunei Darussalam am-nya akan sentiasa terpelihara," titah Baginda.

Baginda Yang Dipertuan juga telah menguchapkan terima kaseh Baginda kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong Daerah ini kerana mengadakan majlis pada malam itu sempena Hari Ulang Tahun Puja Usia Baginda yang ke-34 tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-ziarahi oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sa-tiba-nya keberangkatan Baginda di-Majlis Keshukoran di-Dewan Persantapan Lapau pada malam Ahad lalu.

## Guru2 Kor'an sentiasa di-sediakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna mengingatkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama sentiasa menyediakan guru2 Kor'an untok mengajar orang ramai dalam membacha Kitab Suchi Al-Kor'an.

Untok itu, Yang Teramat Mulia itu berharap supaya kaum wanita di-negeri ini akan sentiasa menggunakan kemudahan2 yang telah sedia ada itu dengan sa-baik2-nya.

"Dengan yang demikian, mudah-mudahan kita akan terhindar dari ajaran2 yang sesat yang bertopengkan Ugama Islam yang bertujuan samata2 untok merosakkan umat Islam di-negeri ini," sabda Yang Teramat Mulia itu lagi.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna bersabda demikian sa-jurus sa-belum merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an anjoran Pertubohan Perkumpolan Perempuan (WI) Negeri Brunei, yang berlangsong di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada petang Jumaat lalu.

Menyentoh mengenai Peraduan Membacha Al-Kor'an yang di-adakan petang itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna menjelaskan bahawa dengan mengadakan peraduan sa-umpama itu, Pertubohan Perkumpolan Perempuan (W.I.) Brunei telah mengambil langkah yang terpuji di-sisi ugama dan masharakat kita.

Di-samping itu, Yang Teramat Mulia menegaskan bahawa langkah tersebut juga sesuai dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untok mengembangkan shi'ar Islam dalam negeri ini.

## *Berikrar utk sentiasa berungkayah*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Penghulu2 dan ketua2 kampong dengan tekad yang bulat berikrar akan sentiasa berungkayah demi memberikan kerjasama kapada Kerajaan Kebawah DYMM dalam melaksanakan perkara2 yang berkebajikan sa-mata2 untok kesejahteraan, kebahagiaan dan keamanan Negeri Brunei.

Ikrar tersebut telah disembahkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Dewa Awang Haji Musa bin Hitam, salaku wakil penghulu2 dan ketua2 kampong Daerah Brunei-Muara, di-majlis keshukoran sempena Hari Puja Usia Kebawah DYMM yang ke-34 tahun.

Majlis Keshukoran yang telah di-langsongkan di-Dewan Persantapan Dewan Majlis di-sini pada malam Sabtu lepas itu di-hadhiri oleh DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, YAB Menteri Besar, YB Setia Usaha Kerajaan, TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, YAM Pengiran2 Cheteria serta pembesar2 negara dan jemputan2 kehormat.

Menyentoh dengan persiapan Negeri Brunei, sabagai sa-buah negara yang

Lihat muka 18

## Guru2 perlu mengetahui matalamat negara

GADONG. — Guru2 di-gesa untok perlu mengetahui matalamat, ideoloji, kedudokan sosial dan ekonomi negara yang sabenar-nya sa-lain dari menumpukan usaha pada meninggikan taraf akademik mereka.

Bersabda demikian di-majlis konvokeshen lepas Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini pada hari Sabtu lepas, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Peguam Negara sa-terus-nya menegaskan tanpa menyedari realiti yang sa-benarnya sa-seorang guru itu akan menghadapi kesukaran pada memainkan peranan dalam perkembangan dan pembangunan negara.

Dalam usaha meninggikan taraf akademik dan ilmu pengetahuan itu, sabda Yang Amat Mulia, ianya akan lebeh berkesan jika sa-kira-nya guru2 dapat meninggikan dan menambahkan ilmu pengetahuan yang sangat diperlukan ia-itu saperti mata pelajaran Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains.

Profeshen sa-bagai guru, sabda-nya lagi, ada-lah merupakan pekerjaan yang mulia dan peranannya sangat penting dalam pembangunan negara kerana tugas mereka yang begitu fundamental dalam membentok jenerasi baru termasok bakal2 pemimpin dan tenaga manusia.

Untok menchapai tujuan itu juga, sabda-nya, Jabatan Pelajaran telah mengadakan chuti khas bagi membolehkan guru2 mengambil pepereksaan sa-mata2 pada menchapai dan meninggikan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada pada tiap2 tahun.

Menyentoh peranan ibubapa dalam pelajaran kanak-kanak, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja menjelaskan bahawa peranan mereka ia-lah memberikan pelajaran asas kapada kanak-kanak terutama ajaran2 ugama dan adat resam sa-chara praktik yang

Lihat muka .8

## *Kadar alaon perjalanan di-tambah*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu kadar kenaikan bagi bayaran2 alaon perjalanan kenderaan2 yang di-gunakan oleh kakitangan kerajaan menjalankan tugas masing2 telah di-perkenankan dan pembayaran kadar baru itu bermula pada 1hb. Disember, 1980.

Surat keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan bilangan 38/1980 menunjokkan bahawa perubahan dari kadar lama kapada kadar baru itu ada-lah meliputi keselurohan kakitangan Kerajaan dari ketua2 pejabat hingga membawa kapada kakitangan bahagian V.

Ketua2 Pejabat dan pegawai2 dalam bahagian I akan di-bayar alaon perjalanan tetap sa-hingga $185.00 sa-bulan; tidak ada bayaran bagi 200 batu pertama tetapi akan di-bayar 22 sen sa-batu sa-lepas itu. Ini ada-lah bagi mereka yang perjalanannya kerana menjalankan tugas biasa-nya melebehi 200 batu sa-bulan.

Sementara bagi pegawai2 lain dalam bahagian I akan menerima alaon perjalanan tetap dalam kadar maksima $46.00 sa-bulan; tidak ada bayaran alaon hitong batu bagi 50 batu yang pertama, tetapi akan menerima bayaran 72 sen sa-batu bagi 150 batu yang berikut-nya dan 22 sen sa-batu sa-lepas itu.

Lihat muka 18

### Manis-nya Iman

"DAN HENDAK-LAH sa-orang itu menolong saudara-nya sama ada saudara-nya itu zalim atau di-zalimi. Ada pun sa-kira-nya saudara-nya itu zalim maka hendak-lah dia menegah-nya dari berbuat zalim, dan itu ada-lah suatu pertolongan. Sa-kira-nya saudara-nya itu di-zalimi maka hendak-lah dia menolong-nya dari terus di-zalimi." — HADITH Nabi riwayat Muslim dari Jabir.

**Pelita Brunei**

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

10HB DISEMBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# KESIHATAN UNTOK SEMUA

SALAH satu di-antara yang di-pentingkan dalam Islam ia-lah kesihatan. Islam telah menentukan garis2 menuju ka-arah kesihatan yang di-kehendaki saperti tentang permakanan, minuman, pemeliharaan kebersehan dan sa-umpama-nya.

Dalam hubongan kesihatan ini, Brunei tidak saja melaksanakan usaha2 untok mengawal kesihatan raayat melalui projek2 yang menelan belanja berjuta2 ringgit saperti pembenaan rumah2 sakit, kelinik2 dan pelbagai perkhidmatan yang berkaitan, tetapi juga senantiasa menumpukan perhatian terhadap perkembangan2 perubatan dan kesihatan yang berlaku di-luar dari Brunei. Dalam hubongan ini, Brunei juga mengambil tempat di-persidangan2 dan seminar2 atau yang sa-umpama-nya di-mana kita berpeluang mengikuti perkembangan2 yang berlaku di-luar diri kita di-samping menyatakan kapada mereka tentang perkembangan kesihatan dan perubatan yang ujud di-negeri ini. Tidak sa-takat di-situ saja, negara kita juga di-lawati oleh pakar2 perubatan dan kesihatan dan di-bawah ranchangan WHO (Pertubohan Kesihatan Sa-Dunia) kita pernah menerima kunjongan2 dan juga bantuan2 pakar dalam mengesankan perkhidmatan kesihatan kapada raayat. Kemunchak daripada usaha2 yang sa-demikian itu, kita juga turut di-nyatakan sa-bagai sa-buah negara yang taraf kesihatan-nya ada-lah tinggi dan sa-takat ini tidak terdapat penyakit2 merebak yang merbahaya — kalau pun ada ia-nya mudah di-kawal.

Akan hal mudah di-kawal ini, puncha-nya ada-lah jelas dalam mana keselurohan-nya itu ada-lah bertolak dari erat-nya kerjasama yang di-berikan oleh pehak orang ramai di-negeri ini. Keselurohan raayat Brunei sedar betapa penting-nya kesihatan itu dan betapa berfaedah-nya memberikan bantuan2 yang di-perlukan kapada pehak2 berkuasa perubatan dan kesihatan demi kepentingan masharakat sama ada di-perengkat bandar apa lagi di-luar bandar. Pendek-nya, kejayaan2 negara kita mengawal kesihatan ini, sa-hingga di-katakan sa-bagai negara yang terselamat dari penyakit2, ada-lah berkat kerjasama raayat seluroh-nya dalam mengesankan usaha2 Kerajaan itu. Atas ujud-nya keadaan yang demikian ini, pehak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat berbesar hati, kerana merasakan bahawa projek2 yang di-jalankan sa-lama ini ternyata membuahkan hasil yang mengkagumkan terutama di-sudut keaktipan raayat dan pendudok yang bergerak pada sa-tiap hari dalam keadaan segar dan gembira terutama di-kampong2 pendalaman yang dulu2-nya taraf kesihatan mereka di-anggap rendah.

Hari ini kita sama2 mengalu2kan kedatangan sambutan Hari Kesihatan Sa-Dunia dan sa-takat ini juga kita tidak menemui perkara2 yang membimbangkan tentang turun naik-nya taraf kesihatan raayat dan pendudok kita dan ia tetap stabil pada ketika ini. Akan tetapi, sa-bagai sa-buah negara yang sedang galak dengan ranchangan2 pembangunan-nya, maka kita ada-lah terdedah kapada gejala2 penyakit saperti mana juga hal-nya dengan negara2 yang lain yang juga galak proses pembangunan-nya dalam mana debu2 dan asap dari industeri2 perusahaan mereka memburokan alam dari lebeh mementingkan kesihatan pendudok sekitar-nya. Ini suatu bayangan yang baik untok kita dalam membuat pilehan dalam mana bahawa gambaran yang jelas ia-lah nyawa dan kesihatan itu ada-lah utama dari segala2-nya.

Kita yakin, peristewa chemaran alam sekitar saperti itu tidak akan mudah berlaku di-negara kita, kerana sa-lama ini, sa-tiap projek yang hendak di-laksanakan, salah satu di-antara sharat-nya mesti lulus dari pehak kesihatan yang biasa-nya melakukan penelitian2 dari banyak sudut bukan saja asap dan debu tetapi juga bau2 yang mengganggu kesihatan. Sudah tentu mereka itu tetap bertugas dengan adil dan jujor dan pendukong utama terhadap lambang "kesihatan untok semua."

---

**PERNAH DULU ada kawan menanya saya: "Apa 'kan jadi-nya kitani ani . . . .?"**

Waktu itu saya mengira dia tidak sunggoh2 dengan pertanyaan-nya itu. Lalu mulut saya rengan saja menjawab: "Kitani sudah jadi jalama, 'kan jadi apa lagi?"

Dia tersengeh-sengeh saja mendengar jawaban itu. Mungkin tidak di-sangka-nya saya akan menjawab dengan menanya-nya pula begitu.

Ya! Kita sudah jadi jalama (orang), masakan dapat di-harapkan akan bertukar jadi apa2 lagi! BEBERAPA HARI kemudian baru saya terfikir kawan itu mungkin berhasrat mengajak saya membinchangkan sa-suatu. Tambahan pula bila mengukor-menimbang nada pertanyaan-nya. Dan nada-nya kebetulan sa-akan2 nada pertanyaan2 yang boleh di-katakan junterah di-sana sini sekarang.

Di-sana sini hampir2 begitu-lah orang bertanya atau menanya, kalau pun tidak kapada orang lain, yang pasti ia-lah kapada diri masing2: *'kan jadi apa kitani*?

Tidak-lah saya pasti mengapa nada pertanyaan sa-demikian sa-makin junterah. Sa-tengah orang chuba mentafsirkan-nya sa-bagai tanda2 kegelisahan. Tapi kegelisahan apa?

Dan ada pula sa-tengah2 orang mentafsirkan-nya sa-bagai perkara yang wajar dalam keadaan orang2 kita sa-makin berfikir dan membanding-banding diri-nya atau diri kitani dengan diri orang lain; yakni: orang lain sudah jadi begitu-begini, sedang diri-nya atau diri kitani belum tentu lagi jadi apa!

Ah! Tafsiran demi tafsiran-lah katakan, berbagai-bagai saja boleh di-sebutkan. Tentang tepat tidak-nya tafsiran itu pun kata orang maseh dapat di-tafsirkan lagi.

Sebab itu barangkali kawan yang menanya saya itu ingin membinchangkan-nya dengan saya.

Elok benar-lah 'tu. Tapi 'apa-nya' yang akan di-binchangkan ?

## PADA HEMAT SAYA....

# "sudah jadi jalama, 'kan jadi apa lagi?"

Terang2 telah saya jawab: "Kitani sudah jadi jalama . . . . ! "

* * *

RUPA-NYA JAWABAN saya itu bukan-lah jawaban yang kena dengan maksud pertanyaan-nya. Sebab itu baru2 ini dia mengulangi lagi pertanyaan-nya, tapi dalam bentok yang lain — dan sa-chara sistematik sekali.

**"Saya dulu jadi guru, sekarang jadi pegawai. Dulu ustaz jadi apa?"** Begitu-lah bunyi mukaddimah-nya.

Alang-kah sistematik-nya! Lebeh sistematik lagi apabila dia menyambong:

**"Orang kitani dahulu-nya inda banyak kesah, asal ada di-sediakan kemudahan2 sudah chukop. Tapi sekarang ini lain, sa-makin banyak kemudahan2 sa-makin banyak yang kita ketahui. Bila sa-makin banyak yang kita ketahui sa-makin banyak-lah pula yang kita mahu."**

Saya senyum mendengar-nya. Sa-makin terasa buah dan isi pertanyaan-nya yang awal2 tadi. Dan untok chuba menyegerakan-nya sampai kapada maksud-nya maka saya mengujongi kata2-nya itu: **"Kerana sa-makin banyak yang kita mahukan itu-lah kitani pun ingin tahu: apa 'kan jadi-nya kitani ani ? Begitu-kah ?"**

Dia tidak segera menjawab. Tapi kelihatan dia hampir2 bersetuju dengan kesimpulan begitu.

Mudah-nya begitu-lah saja kesimpulan-nya.

* * *

TAPI GAGASAN-NYA yang awal tadi maseh belum jelas. Kata-nya tadi, dia dulu jadi guru dan sekarang jadi pegawai. Lalu di-tanya-nya saya: dulu jadi apa ?

Tentu dia lebeh dari bertanya bahkan dia menarek perhatian saya kapada memikirkan perihal diri sendiri.

Begitu-kah ?

Dan begitu juga-kah tepat-nya tafsiran sa-tengah orang bahawa pertanyaan "apa akan jadi-nya kitani" yang boleh di-katakan junterah sekarang sa-bagai hasil fikiran sa-telah membanding-bandingkan diri sendiri dengan diri orang lain: orang lain sudah jadi begitu-begini, sedang diri-nya belum tentu jadi apa!

**"Astaghfirullah** . . . . " tiba2 saya melafazkan istighfar panjang2.

Dia agak tersentak mendengar-nya. Mata-nya terkebel-kebel memerhatikan saya saperti mahu mengesan apa yang berlegar dalam benak saya ketika itu.

**"Patut-nya miani saja,"** saya bersuara mengajak-nya kembali kapada gagasan awal-nya tadi. **"Kalau dahulu kitani ani ga-nya itu-ini dan sekarang kitani jadi apa-apa, maka untok esok lusa atau masa akan datang yang mustahak-nya bukan-lah soal 'kan jadi apa . . . . "**

**"Mengapa pula tidak?"** Dia memutus chakap saya sambil mata-nya terus terkebel-kebel. **"Mun bukan atu mustahak, inda tah kitani ani inginkan jadi apa2 lagi?"** Tiba2 pula dia menyoal mempertikaikan kenyataan saya sa-bentar tadi.

**"Soal ingin atau tidak itu soal lain,"** saya menjawab-nya sa-lari2 mulut saja, tapi itu-lah jawaban yang saya kira tepat. Kemudian saya menegaskan: **"Soal-nya sekarang ia-lah menentukan mana yang lebeh mustahak dan betul."**

Kelihatan dia mahu memutus lagi chakap saya tapi segera saya mengisharatkan kapada-nya supaya mendengar dahulu penjelasan sa-lanjut-nya: **"Yang lebeh mustahak bukan-nya soal 'kan jadi apa lagi kitani ani. Tapi bagaimana dan dengan apa kitani 'kan jadi apa2 itu-lah yang terpenting!"**

Sampai di-situ saya sengaja tidak memberi-nya kesempatan bersuara malah seterus-nya menyambong: **"Kitani dahulu ga-nya jadi itu-ini, kemudian sekarang jadi begitu-begini, chuba-lah kenangkan macham maan kitani jadi saperti sekarang ini, apa jalan-nya dan apa chara-nya ? Tentu saja tidak dengan gigi dan lidah bukan ?"**

Mendengar chakap saya begitu dia benar2 tidak berhajat untok bersuara lagi. Mungkin di-sedar-nya saya sudah naik 'hot' — yang sa-patah perkataan-nya kalau tersilap di-uchapkan akan menambah lagi suhu kepanasan . . . .

* * *

**Pengujongan kata . . .**

Sa-betul-nya, jika pertanyaan "Apa 'kan jadi-nya kitani" itu benar2 hasil berfikir membanding-banding kejadian diri sendiri dengan kejadian diri orang lain, maka elok benar-lah kitani yang menanya itu yakin bahawa 'apa-apa' yang kitani sudah 'jadi' sekarang ini bukan di-chapai dengan 'bergalah' atau 'berpenjolok' kan lidah dan 'beranak-tangga' kan gigi.

Atau kalau bukan itu maksud pertanyaan tadi tapi maseh juga di-sogokkan kapada kita maka jawab-lah dengan senang hati: "Kitani sudah jadi jalama, 'kan jadi apa lagi?"

Dalam pada itu kedua-dua-nya maseh tetap sama saja tuntutan-nya: pandai2-lah bershukor, bukan sa-takat pandai berterima kaseh !

— *Ketua Pegawai Penerangan*

***"Kerana sa-makin banyak yang kita mahukan itu-lah kitani pun ingin tahu: apa 'kan jadi-nya kitani ani? Begitu-kah?"***

# DAYA USAHA KERAJAAN BERJAYA KEMBANGKAN PENIAGA MELAYU




**DI-SAMPING** menerima bantuan kewangan untok memodali perniagaan-nya di-dalam pembekalan gas LPG, Awang Haji Hanafi, bagi pehak sharikat-nya telah juga menerima bantuan kewangan sa-banyak $36,000 bagi mengendalikan sa-buah bas mengangkut anak2 sekolah. Beliau ada-lah juga pemegang saham sa-banyak 15 peratus di-dalam Kilang Papan Sharikat Hiap Hong di-Kuala Belait.

Oleh: SHADOON LAMZI

BUKAN senang untok jadi sa-orang peniaga. Untong rugi wajib di-fikirkan, pentadbiran perlu di-jaga dengan rapi, perbelanjaan mesti di-perhitongkan dan yang nyata sa-kali, sa-langkah jalan salah di-jejak, pasti business "lingkop" dan pinggang di-kelilingi dengan hutang.

Memang semua peniaga2 di-negeri ini khusus-nya para bumi-putera menyedari hakikat ini dan yang paling menyenangkan sa-kali kebanyakan daripada mereka sudah memendam chita2 untok terus bertapak, terus melawan rintangan2 yang di-hadapi dan sa-terus-nya menyaingi bangsa2 lain yang sudah sekian lama memonopoli banyak bidang perniagaan di-negara ini.

Soal2 "support" atau pun sokongan kerajaan kapada peniaga2 bumi-putera sudah tidak dapat di-pertikaikan lagi pada detik ini. Penyertaan anak2 tempatan di-dalam apa2 saja perniagaan yang halal tetap di-alu2kan dan sokongan2 yang di-berikan ini bukan saja di-salorkan melalui saraf uchapan menaikkan semangat niaga tetapi ia-nya merangkumi jalan2 lain yang lebeh praktikal dengan memberikan pinjaman kewangan buat permodalan peniaga2 Melayu dan yang paling akhir sekali di-buat ialah memberikan didekan atau pun bimbingan kapada mereka.

Sekim pinjaman kewangan kapada peniaga2 tempatan telah mula di-berikan pada 1hb Ogos 1977 dan sa-hingga hari ini kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi telah meluluskan pinjaman lebeh daripada 9 juta ringgit kapada lebeh daripada 100 orang peniaga.

Pelita meninjau perkembangan beberapa orang peniaga2 Melayu yang telah menerima bantuan pinjaman kewangan daripada kerajaan dan sa-terus-nya menanyakan buah fikiran dan reaksi mereka tentang kursus bimbingan anjoran Lembaga Kemajuan Ekonomi yang mereka ikuti baru2 ini.

Taman Asohan Kanak2 Dayang Freda terletak di-Jalan Dato Ibrahim di-Bandar Seri Begawan. Bangunan di-mana kanak2 di-tempatkan untok menerima bimbingan dan didekan ini tidak dapat di-nafikan sudah di-makan usia yang begitu lama.

Tekad dan kemahuan untok memajukan diri di-samping sokongan daripada orang ramai telah menampilkan kejayaan yang di-luar dugaan bagi pengurus gudang pendidekan kanak2 damit ini.

Kanak2 yang di-hantar ka-sini sudah menchapai jumlah 400 orang dan ia-nya di-lengkapkan dengan sembilan orang kakitangan.

"Sekolah ini di-tubohkan di-dalam tahun 1968 dan pada ketika itu chuma terdapat lapan orang kanak2 yang belajar di-sini," jelas Dk May Fazura bte Pg. Radin Hanafi, 20 tahun, pengurus sekolah tersebut.

Menurut Dk. May Fazura, permohonan yang mereka hadapkan bagi pinjaman kewangan sa-banyak $20,000 daripada kerajaan telah pun di-luluskan dan ia-nya kelak akan di-gunakan bagi memagar kawasan sekolah tersebut dan seterus-nya bagi memperbaiki kerosakan yang terdapat pada bangunan2 sekolah tersebut.

"Saya ingin menguchapkan jutaan terima kaseh kapada kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi di-atas bantuan kewangan ini dan inisiatif kerajaan di-dalam memberikan didekan atau pun bimbingan yang di-adakan baru2 ini ada-lah merupakan satu langkah yang baik dan sangat2 di-alu2kan," tambah Dk May Fazura siapa yang juga menjadi salah sa-orang peserta kursus tersebut.



**"PENIAGA2 Melayu perlukan perlindongan . . ." Awg Zainal Abidin. Gambar di-ambil di-tapak di-mana kilang pembuat roti beliau akan di-dirikan.**

"Saya telah pun memperolehi pengajaran dan bimbingan serta penerangan yang baik terutama sa-kali di-dalam soal2 pengurusan perniagaan dan di-samping itu kursus ini juga memberikan kesempatan kapada kami untok beramah-mesra dengan kakitangan2 kerajaan khusus-nya pegawai2 di-Lembaga Kemajuan Ekonomi dan bertukar-tukar fikiran di-antara satu dengan lain,"

Kata Awang Haji Hanafi Mohammad Daud, Salah sa-orang peniaga yang bermastautin di-Daerah Tutong.

Awang Haji Hanafi, 51 tahun, ada-lah sa-orang pembekal gas LPG kapada pelanggan2-nya di-daerah tersebut dan di-samping itu juga terlibat di-dalam bidang perniagaan yang lain saperti pengangkutan, pemborong dan tuanpunya sa-buah kedai di-sini.

Untok permodalan perniagaan-nya di-dalam membekalkan gas LPG, beliau telah memperolehi pinjaman sa-jumlah $50,000 daripada kerajaan dan wang tersebut telah di-gunakan-nya untok membeli kenderaan bagi pengurusan perniagaan-nya itu, pembenaan sa-buah setor dan sa-terus-nya sa-bagai wang chagaran kapada Sharikat Pemasaran Shell sharikat yang bertangong-jawab membekalkan gas jualan kapada wakil2-nya di-seluroh negeri.

Pernah bertugas sa-bagai guru di-dalam tahun 1948 hingga 1951, Awang Haji Hanafi kemudian-nya berkerja sa-bagai Pegawai Pertanian di-dalam tahun 1951 hingga 1962. "Di-dalam mempastikan sehat-nya perjalanan kewangan yang di-pinjamkan kapada peniaga2 kita, ada-lah lebeh baik kerajaan mengadakan langkah2 atau pun kawalan2 yang tertentu," jelas Awang Haji Hanafi.

Sementara itu, di-satu kawasan yang terletak di-Jalan Setia Diraja, Kuala Belait akan terdiri sa-buah kilang pembuat roti yang kelak akan di-usahakan oleh sa-orang peniaga bumiputera, Awang Zainal Abidin Puteh.

Kerja2 pembersehan kawasan tersebut telah pun bermula dan pembenaan di-atas kilang tersebut akan di-kerjakan sa-lepas selesai-nya kerja2 pembersehan yang telah di-peruntokkan oleh kerajaan kapada beliau itu.

"Saya telah pun memperolehi pinjaman sa-banyak $250,000 khusus untok perniagaan yang akan saya jalankan ini," jelas Awang Zainal ketika kami temui baru2 ini.

Beliau sa-terus-nya merakamkan rasa terima kaseh beliau di-atas kesempatan yang di-berikan di-dalam mengikuti kursus bimbingan yang di-adakan baru2 ini dan menchadangkan agar kursus2 sa-umpama itu di-adakan dari sa-masa ka-sa-masa.

Di-tanya mengenai dengan kedudokan peniaga2 Melayu pada ketika ini beliau menjelaskan, yang mereka itu boleh-lah di-umpamakan sa-bagai satu kelompok manusia yang terlalu kechil serta serba kekurangan jika di-bandingkan dengan peniaga2 asing yang lebeh matang dan raksaksa.

Lihat muka 11



**PENDIDEKAN** ugama tidak ketinggalan di-ajarkan di-taman tersebut. Kelihatan salah sa-orang guru ugama di-tempatkan oleh kerajaan di-situ memberikan penerangan kapada kanak2 di-salah sa-buah kelas ugama.



**DALAM** masa kira2 12 tahun, Taman Asohan Kanak-kanak Dayang Freda terus mengalami kemajuan. Dari lapan orang kanak-kanak, jumlah ini meningkat ka-angka 400 orang yang belajar di-sini. Kelihatan Dk May Fazura (di-tengah2) bersama-sama dengan anak2 damit yang di-hantarkan di-sana.



**DAYANG** Norsiah bersama dengan ibu-nya Dayang Hitam di-kedai runchit yang mereka usahakan.

# PEGAWAI2 AMDB LAWAT PASOKAN TENTERA MALAYSIA

TIGA orang pegawai kanan Askar Melayu Diraja Brunei telah kembali katanah ayer baru2 ini, satelah mengadakan lawatan beberapa hari ka-Kuala Lumpur, ibu negeri Malaysia.

YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pg Haji Ibnu bin Pg Datu Penghulu Pg. Haji Apong bersama Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Hj. Daud dan YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Kol. Dato Paduka Sulaiman bin Awg Damit telah bertolak kaibu negeri tersebut atas undangan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Hussein Onn yang juga selaku Menteri Pertahanan Malaysia ketika ini.

Undangan yang di-sampaikan melalui Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu ada-lah bertujuan untok memperlihatkan kapada pegawai2 tersebut segala kemudahan2 yang terdapat di-dalam angkatan tentera Malaysia, dalam melateh anggota2-nya.

Sa-masa lawatan itu pegawai2 yang berkenaan telah berkesempatan juga memerhati dan menyaksikan sa-chara sengkat latehan tentera 'Gonzales Lima' yang kebetulan pada waktu itu di-jalankan di-Johor.

Menurut Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad, 'Gonzales Lima' ada-lah satu latehan yang di-selenggarakan oleh Angkatan Tentera Diraja Malaysia dengan tata perang yang sa-benar bagi menguji kechekapan dan kebijaksanaan anggota2-nya dalam menghadapi saat2 genting.

Latehan yang di-pusatkan di-daerah Mersing itu kata-nya, ada-lah melibatkan berpuloh ribu orang dari dua bahagian tentera. Matalamat dalam latehan itu ia-lah untok menembusi kubu pertahanan penting yang di-kawal oleh Pasokan Tentera Darat Malaysia.

Pasokan Komando Malaysia ada-lah pehak yang beraksi sa-laku musoh yang chuba menyerang dan menembusi kubu yang di-anggap penting. Dalam gerakan serangan mereka, Komando menghadhirkan anggota-nya di-sasaran yang di-maksudkan dengan menggugorkan-nya melalui pesawat terbang dan dengan chara menyeludopkan-nya melalui pesisir pantai.

Latehan yang di-jalankan dengan terator itu, kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa telah menampakkan kejayaan yang chemerlang di-mana kedua pehak yang bertentangan tanpa tolak-ansur telah menunjokkan kekuatan masing2. Pehak yang berperanan sa-laku musoh telah hampir berjaya menchapai tujuan mereka. Tapi dengan kechekapan yang ada di-pehak pertahanan niat mereka telah dapat di-patahkan.

Lawatan yang sengkat itu menurut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa itu lagi, telah memberi banyak faedah kapada mereka. Banyak pengalaman2 yang boleh menjadi chontoh telah di-perolehi.

Lihat muka 8



YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt Kol Pg Haji Ibnu, YB Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Kol Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad dan YDM Pehin Datu Indera Setia Lt Kol Dato Paduka Sulaiman ketika mendengarkan taklimat mengenai latehan 'Gonzales Lima' di-Mersing, Johor.

## Peraduan Lalu-lintas Shell

PEKAN BANGAR. — Sa-banyak lima buah sekolah rendah telah mengambil bahagian dalam Peraduan Lalu-lintas Shell perengkat Daerah Temburong yang telah di-adakan di-tempat Letak Kereta di-sini pada hari Ahad minggu lalu.

Peraduan yang berthema: "Menggunakan Jalan-raya dengan patuh dan berdisiplin" itu telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awg Haji Yaakub bin Haji Ahmad.

Peraduan itu bertujuan untok melateh kanak2 sekolah lebeh tegas di-katakan jenerasi2 baru akan patuh dan menghormati tata-tertib dan undang2 jalan-raya supaya suatu masa nanti akan lahir jenerasi2 yang tahu bertanggong-jawab kapada dirinya sendiri.

Peraduan tersebut telah di-menangi oleh gabongan Sekolah Persediaan Inggeris/Sekolah Melayu Puni yang juga akan mewakili daerah ini ka-perengkat sa-negeri di-ibu negeri. Naib johan di-menangi oleh Sekolah Rendah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi, Temburong.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 10hb hingga 16hb Disember, 1980.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 10.12.80 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 10.12.80 | Rabu | 10.45–11.15 " |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 10.12.80 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 13.12.80 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 13.12.80 | Sabtu | 2.45– 3.45 " |
| Sekolah Melayu Lamunin | 13.12.80 | Sabtu | 4.00– 5.00 " |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 14.12.80 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 14.12.80 | Ahad | 10.15–11.15 " |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 14.12.80 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Maktab Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 15.12.80 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Muhammad Salleh, Sungai Hanching | 15.12.80 | Isnin | 3.00– 4.00 " |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 16.12.80 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 16.12.80 | Selasa | 10.30–11.30 " |



YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain menyampaikan oskar kejohanan kapada Dayang Halimah bte Abang Dor, johan pertandingan Kor'an hari itu.

## Pertandingan Kor'an WI sambut awal 1401 Hijrah

Oleh :
AISAH PIEE

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan W.I. Negeri Brunei, buat pertama kali-nya, telah mengadakan satu Peraduan Membacha Al-Kor'an bagi ahli2-nya di-negeri ini yang telah berlangsong pada hari Jumaat lepas, 5hb Disember bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini.

Peraduan yang di-adakan sa-bagai satu achara khas Pertubohan W.I. bagi menyambut kedatangan Tahun 1401 Hijrah itu, telah di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna.

Majlis tersebut di-dahului dengan Bachaan Al-Kor'an yang di-sampaikan oleh Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris dan di-ikuti dengan uchapan alu-aluan oleh Pengerusi Pertubohan W.I., Dayang Hajjah Marhani bte Abdul Latif.

Antara lain, Dayang Hajjah Marhani menekankan bahawa kaum wanita tidak mempunyai masa, malah tidak 'interested' mekirkan soal2 *'Women Liberation'* kerana sa-bagai umat Islam, kita telah mengakui hak2 wanita yang di-tetapkan Tuhan dalam Al-Kor'an.

Oleh kerana itu, beliau mengharapkan agar tidak ada golongan2 yang khuatir, bimbang atau mengeluarkan suara2 sumbang bila melihat wanita2 berpersatuan.

Sa-lain dari itu, Dayang Hajjah Marhani juga menjelaskan bahawa kaum wanita hari ini, bukan saja perlu di-lateh sa-bagai ibu yang baik, tetapi juga perlu di-lateh sa-bagai wanita karier dan wanita profeshen untok memainkan peranan-nya dalam bidang yang sesuai, termasok bidang Shi'ar Islam.

Menyentoh mengenai ajaran2 sesat, beliau mengingatkan semua ahli W.I. supaya jangan terpengaroh dengan ajaran2 tersebut, dan mengharapkan agar dapat memberikan kerjasama yang efektif dalam menentang ajaran2 sesat itu, dengan melaporkan kapada pehak2 yang berkuasa sa-kira-nya ada berlaku di-tempat masing2.

Turut berangkat di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain. Antara yang hadhir ia-lah Datin Hajjah Zaharah, Ketua Pegawai Kebajikan, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Datin Hajjah Siti Rafeah, Datin Masni Haji Ali, Penasehat W.I., dan Datin Hajjah Tinah, Yang Dipertua Persatuan Pertiwi.

Sa-ramai lima orang peserta telah mewakili daerah masing2. Tempat pertama di-sandang oleh Dayang Halimah bte Abang Dor, wakil dari Daerah Belait. Sementara naib johan di-menangi oleh Dayang Hamidah bte Abdul Hamid, peserta dari Daerah Brunei-Muara, dan tempat ketiga jatoh kapada Dayang Jauyah bte Karim, wakil dari Daerah Temburong.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain. Majlis tersebut di-akhiri dengan bachaan Do'a Selamat oleh Ustazah Sharifah Mastura bte Syed Harun.

# Majlis Khatamal Kor'an

KILANAS. — Sa-ramai 27 orang pelajar lelaki dan 12 orang pelajar perempuan kelas-kelas Dewasa Kor'an sa-panjang Jalan Tutong, Kilanas dan Pengkalan Batu telah menyertai majlis khatamal Kor'an yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Ugama (sementara) di-sini pada hari Ahad 30hb. Nobember lalu.

Majlis pada pagi itu di-mulakan dengan perarakan pelajar2 dewasa yang mengambil bahagian masok ka-dalam masjid dengan di-iringi oleh pukolan hadhrah.

Sa-telah itu majlis khatam pun di-mulakan dengan bachaan Al-Fatihah beramai-ramai dengan di-mulakan oleh pengerusi majlis Khatamal Kor'an, Awang Haji Mohd. Yusof bin Metamit dan sa-terus-nya bachaan surah di-mulakan oleh peserta2 perempuan dan di-ikuti oleh peserta2 lelaki serta bachaan takhim oleh guru2 kelas dewasa yang di-ketuai oleh imam Abdul Ghafar bin Abdul Ghani.

Sa-jurus dengan itu do'a khatam di-bachakan oleh imam Haji Jumat bin Nayan dan sa-terus-nya, zikir Asharakal di-bawakan bagi upachara menaburi bunga rampai kapada pelajar2 yang mengambil bahagian di-sempurnakan dengan di-dahului oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar bagi peserta lelaki dan isteri beliau, Datin Na'emah binte Haji Razali bagi peserta perempuan.

Do'a selamat bagi menandakan sempurna-nya majlis pada pagi itu telah di-bachakan oleh Awang Jamaluddin bin Ismail.



GAMBAR atas dan bawah sa-bahagian dari penuntut2 Kor'an lelaki dan perempuan yang menjalani majlis Khatamal Kor'an hari itu.





PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah (dua dari kanan) ada-lah di-antara tetamu yang hadhir bersama di-majlis tersebut.

# Seminar Pertanian di-perkenalkan

SINAUT. — Usaha Jabatan Pelajaran untok menjadikan subjek Sains Pertanian sa-bagai mata-pelajaran di-sekolah2 dan maktab2 di-negeri ini dalam perengkat Sijil Rendah Pelajaran (BJCE) telah menjadi satu kenyataan apabila ia-nya di-perkenalkan buat pertama kali-nya di-Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan pada tahun 1973.

Untok mengatasi kekurangan guru2 yang mengajar mata-pelajaran tersebut, Jabatan Pelajaran telah mendapat kerjasama dari Jabatan Pertanian untok mengendalikan progrem tersebut yang telah berjalan di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada tahun 1977.

Mata-pelajaran itu di-perluaskan lagi ka-sekolah2 rendah dari darjah satu hingga enam di-bawah ranchangan Kebun Sekolah.

Untok mendapatkan guru-guru yang khusus mengajar pada perengkat ini, pehak Jabatan Pelajaran telah menghantar sa-ramai lapan orang guru menjalani kursus Sains Pertanian rendah di-pusat yang sama sa-lama tiga bulan yang telah pun berakhir pada bulan Nobember lalu.

Guru2 kumpolan kedua perengkat sekolah2 menengah yang terdiri dari enam orang guru kini sedang menjalani satu kursus asas Sains Pertanian sa-lama sa-tahun di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut yang di-jangka tamat bulan Feb-ruari depan.

Untok enam bulan pertama, kursus itu di-jalankan guru2 berkenaan menerima latehan teori dan amali sa-penoh masa di-pusat itu. Sementara tiga bulan berikut-nya mereka di-tempatkan di-sekolah2 dan maktab2 dalam skim perchubaan latehan mengajar subjek tersebut. Penggal akhir mereka menghadapi pepereksaan kelayakan.

Sa-orang jurchakap di-pusat itu berkata, pehak Jabatan Pertanian juga terlibat membantu dalam menyediakan soalan2 pepereksaan Sains Pertanian dan di-pertanggong-jawabkan juga kapada pegawai2 pertanian sa-bagai pegawai2 pemereksa.

Menurut siaran berita yang di-keluarkan oleh Jabatan Pertanian sa-takat ini Sains Pertanian telah pun di-ajarkan dari perengkat sekolah rendah hingga sekolah menengah bawah. Dan ada-lah di-jangka pada tahun 1981 pehak Jabatan Pelajaran akan memperkenalkan pula ka-perengkat sekolah menengah atas dan maktab2 di-seluroh negeri.



BEBERAPA orang guru kelihatan sedang menjalani latehan amali Sains Pertanian di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut. (Gambar ehsan Jabatan Pertanian).

# Penumpang ka-500 ribu RBA terima sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil bagi penumpang yang ka-500,000 bagi Penerbangan Diraja Brunei telah di-adakan di-Ibu Pejabat RBA di-Bangunan Hongkong dan Shanghai Bank di-ibu negeri di-sini pada hari Rabu lepas.

Penumpang yang bernasib baik menerima sijil tersebut ia-lah Awang Allex Cordero berasal dari Filipina dan berkerja di-Loji Gas Chechair Asli di-Lumut, Seria. Beliau beserta dengan keluarga-nya telah pergi ka-Manila untok berchuti pada 2hb. Nobember lalu.

Penyampaian sijil tersebut telah di-lakukan oleh Pengurus Umom RBA, Awang Alan Douglas dengan di-saksikan oleh Awang John Kirby, Pengurus Perdagangan sharikat itu.

Di-samping menerima sijil, Awang Cordero juga menerima tiket perchuma pergi balek ka-Bangkok, Thailand.

Penyampaian tersebut merupakan kali kedua di-lakukan oleh sharikat itu sejak memulakan perkhidmatan dalam tahun 1975 dan kali pertama sijil sa-umpama itu di-berikan bagi penumpang yang ka-250,000 dua tahun yang lalu.



AWANG Allex Cordero menunjokkan sijil penumpang ka-500,000 yang di-terima-nya dari RBA.

# intisari RTB minggu ini



## Dari Kampong Ka-Kampong



RANCHANGAN Dari Kampong Ka-Kampong banyak mengutarakan beberapa perkembangan dan kemajuan-nya, antara-nya termasok-lah di-bidang ekonomi, pertanian, perniagaan dan lain2 projek kemajuan yang berjalan di-setiap kampong2 yang berkenaan.

Tidak kurang juga di-perkenalkan adat dan peradatan beberapa unsor bidang2 kebudayaan yang di-perlakukan oleh anak2 buah kampong2 yang di-hubongi.

Kelihatan dalam gambar, penerbit ranchangan Awang Ali Haji Aji dan rakan sekerja Awang Mohd Noor Mohammad kelihatan sedang menemu-ramah Imam Masjid Kampong Masin dalam ranchangan dari Kampong Ka-Kampong ini.

## Seminar untok wanita:

## "WANITA DAN SEBARAN AM"

SATU Seminar 'Wanita dan Sebaran Am' telah berlangsong di-Kuala Lumpur, Malaysia dari 11hb. hingga 21hb. Nobember, 1980 yang lalu. Seminar itu telah di-anjorkan oleh Institiut bagi Perkembangan Penyiaran Asia/Pasifik (Asia/Pacific Institute for Boardcasting Development) dengan gabongan UN Decade for Women.

Di-antara tujuan seminar tersebut ia-lah pada menumpukan perhatian dan memperbaiki imej penglibatan wanita2 dalam dan melalui sebaran am; untok memahami kehendak wanita yang menyampai dan menerima sebaran am serta untok mengasaskan peranan sebaran am dalam kemajuan wanita2 di-rantau Asia/Pasifik.

Seminar tersebut telah di-rasmikan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz, Menteri Perusahaan Awam, Malaysia dan ia-nya telah di-sertai oleh Afghanistan, Bangladesh, Brunei, Fiji, India, Indonesia, Jepun, Korea, Maldivas, Malaysia, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Nepal, Sri Lanka, Thailand, Vanuatu dan Vietnam serta negara pemerhati dari UNESCO, United Kingdom, Belgium, Australia dan New Zealand.

Dalam seminar tersebut negara kita telah di-wakili oleh Dk. Mariam binte Pengiran Metali, Pengelola *Bahagian* Melayu, RTB (No. 2 dari *kiri barisan* tengah) dan Hajjah *Zainah binte* Haji Salleh, Pengelola *Ranchangan* Bahagian Inggeris, RTB (No. 2 dari kiri barisan belakang). Mereka telah menyampaikan kertas kerja yang bertajok 'Wanita Brunei' yang mana telah mendapat sambutan baik dari negara2 perwakilan tentang kemajuan dan penglibatan wanita2 kita di-Brunei.

# RANCHANGAN TVP DARI 15HB HINGGA 21HB DIS.

### ISNIN — 15HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 236
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN BELON SI-MANIS, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMIN, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenan dengan 'Pak Pandir Malang'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 236.

### SELASA — 16HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 237
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti: RUANGAN MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMINAH, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.
Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon membersehkan rumah di-ruangan MARI BERLAKON.
Minggu ini SI-MANIS berpesan supaya kanak2 menonton talivishen bersama-sama.
Di-dalam SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok 'RUMAH'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 237.

### RABU — 17HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 238.
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti: BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, MENYANYI SAMBIL BERGAYA, BERSENAM, MENGATOR GAMBAR.
Tajok cherita 'MENGATOR GAMBAR' kali ini ia-lah 'Pergi ka-Sekolah.'

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 238.

### KHAMIS — 18HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 239.
Kanak2 dan Chegu Sa'diah akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMIN, BERMAIN BOLA, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI di-dalam ranchangan kali ini.
Di-sudut TEKA BENDA Chegu Sa'diah akan menggunakan nombor2 dari 5 hingga 10.
Di-HALAMAN BERCHERITA pula Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan "Rapunzel".

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 239.

### JUMAAT — 19HB DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 saperti: BERMAIN MUSIK, LUKISAN DARI RUMAH, BERMAIN BAKUL, BERMAIN BELON, KAJIAN SEMULA JADI, dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut KAJIAN SEMULA JADI, Chegu Sa'diah akan mengajar nama sayor-sayoran daun saperti: kangkong, bayam, sawi dan lain2.
Pada akhir ranchangan Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 di-dalam CHERMIN SAKTI.

### SABTU -- 20HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 240
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti: KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, AMINAH, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
KETUA KESELAMATAN minggu ini melarang kanak2 bermain dengan lilin. DI-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan dengan "Si-Chomel dan Si-Hodoh."

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 240.

### AHAD — 21HB DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Di-dalam ranchangan kali ini, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BELON, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH, NAIK KUDA, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan membachakan cherita bertajok "Nakhoda Manis". Cherita ini mengesahkan tentang saorang anak yang derhaka pada ibu-nya.
Pada akhir ranchangan Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI.

## SERIKANDI

Dalam ranchangan Serikandi minggu ini maseh berkisar dalam musim Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-34 tahun baru2 ini. Kandongan malam ini ia-lah petekan penggambaran wakil Serikandi di-Pameran Urusan Rumah Tangga anjoran gabongan tiga persatuan Wanita ia-itu WI Daerah Belait, PERTIWI dan Persatuan Kebajikan Perempuan Kuala Belait.

Dalam petua2 rumah-tangga pula Jamilah akan memberikan tunjok chara mengenai chara2 menghilangkan pakaian yang terkena minyak, chara2 merebus telor yang banyak supaya tidak pechah dan chara membakar lilin supaya lilehan-lilin tadi tidak jatoh ka-lantai, feshen minggu ini pula mengenai dengan feshen rambut, dan akhir sekali petekan filem di-upachara Peraduan Kanak2 Sehat di-Pusat Belia anjoran Perkumpolan Perempuan Brunei (WI).

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 10HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD — "Jungle Jaguar"
5.30 THE NEW SCHMOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS
6.13 AZAN MAGHRIB
6.17 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — sambongan
6.30 DR. WHO — "The Robos Operation" Ep. 1

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — "Who's the Sexiest Girl in the World?"
7.28 AZAN ISHA
7.32 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE WAR YEARS — Ep. 16 "The Battle of the Pacific-The Conquest"
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "Flying High" Siri TV dalam bentok tayangan gambar.
11.00 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 11HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 SPIDERMAN — sambongan
6.32 THE TOMORROW'S PEOPLE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 GREAT WESTERN THEATRE
7.30 AZAN ISHA
7.34 GREAT WESTERN THEATRE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 WKRP IN CINCINNATI — Ep. 32 "Baileys Big Break" Les menghadapi kesulitan dalam menerima kenyataan bahawa ia mestilah berkongsi steshen dengan sa-orang Juruhebah lain ...... sa-orang wanita.
10.00 TELFORD'S CHANGE — Ep. 9
10.50 THE BIG VALLEY — "Bounty on A Barkley"
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 12HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SONG BOOK
5.15 CHILDREN'S SERIAL
5.30 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 KID POWER — sambongan
6.30 THE MUPPET SHOW — Ep. 100 — "Shirley Bassey"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MONTE CARLO SHOW
7.30 AZAN ISHA
7.34 MONTE CARLO SHOW —
8.15 WARTA BERITA
8.30 PANORAMA — Ep. 5
9.00 BENSON — "The Army Wants You"
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 HAWAII FIVE O — "Target-A Cop" Sa-butir peluru pulis telah menyebabkan ia menjadi lumpoh, Ntham Purdy, menjadi sa-orang yang ingin membalas dendam dengan menembak pegawai2 pulis sa-chara sembunyi.
11.10 SIARAN TAMAT.



PAT Wayne dan The Parisian Puppet, Ploom, dalam siri THE MONTE CARLO SHOW akan dapat di-ikuti persembahan-nya pada hari Jumaat jam 7.15 malam.

## SABTU — 13HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE THING
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 THE THING — sambongan
6.30 BEWITCHED

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FOUNDATION — Ep. 16
7.30 AZAN ISHA
7.34 FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN GAMBAR MELAYU — "Kacha Permata"
11.10 FILEM RENCHANA: Cities Cities ada-lah satu penerbitan talivishen yang yunik. Tiga belas orang personaliti2 antarabangsa yang terkemuka memandu penonton2 melawat bandar pilehan mereka. Satu panduan yang menarek mengenai percherita dan cherita yang di-sampaikan, persembahan yang memenangi anugerah ini ada-lah lebeh dari itu. Ia-nya merupakan pandangan perseorangan tentang sa-buah bandar menurut sa-orang individu yang merasa erat dengan tempat yang di-pileh-nya, dan telah memikirkan dengan mendalam tentang apa yang hendak di-perkatakan-nya. Sa-tiap bandar yang di-pileh merupakan sa-buah ibu negeri yang besar dan mewakili rantau yang tertentu. Sa-tiap bandar mempunyai daya kuasa yang yunik dan tersendiri.
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 14HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE — Ep. 146
5.30 CAPTAIN CAVEMAN — Ep. 7806.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURE Ep. 10 "Escape from the Sea"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE — Ep. 12
7.30 AZAN ISHA
7.34 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 GEORGE AND MILDRED
9.00 BINTANG UNDANGAN
9.50 TINKER TAILOR SOLDIER SPY Ep. 1
10.40 ARMCHAIR THRILLER
11.10 SIARAN TAMAT

## ISNIN — 15HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN — Ep. 8 "Black Magic"
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS Ep. 12
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS—"The Golden Cop Killer"
7.30 AZAN ISHA
7.34 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 MINDER
9.40 HOLLYWOOD
10.30 WARSHIP — "Jack Fell Down"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 16HB DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HECKLE AND JECKLE
5.30 THE SHARI LEWIS SHOW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANCE HILL Ep. 2
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 GRANCE HILL — sambongan
6.30 THE JACKSONS Ep. 2

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT
7.33 AZAN ISHA
7.37 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 OLYMPIC SPORTS
9.00 TAYANGAN GAMBAR TV: "The V.I.P.S."
10.30 BILLY LIAR
11.00 SIARAN TAMAT.

## Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri

RADIO Talivishen Brunei akan menyiarkan sa-char langsong upachara Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri untok Belanjawan 1981 pada jam 8.25 pagi. Ketetapan tarikh perasmian ini akan di-hebahkan nanti oleh Radio Talivishen Brunei.

# MAJLIS KONVOKESHEN MAKTAB PERGURUA

Oleh: Jaafar Ibrahim

## Tambah pengetahuan dan kembangkan teknik pengajaran yang lebeh baik — Awg Abd Razak

GADONG. — Timbalan Pengarah Pelajaran, Awg. Abd. Razak bin Haji Muhammad menyeru guru2 lepasan maktab supaya menambahkan pengetahuan serta memajukan dan memperkembangkan teknik2 dan kaedah2 mengajar pada menyampaikan pengajaran yang lebeh baik kapada murid2.

Kerana kata-nya, profeshion sa-bagai guru merupakan satu bidang kerja yang bersifat 'dynamic' yang sentiasa memerlukan perkembangan, pembaharuan dan pengajaran.

"Guru2 ada-lah satu2-nya golongan yang paling penting dalam menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan mempelbagaikan pengalaman dan kepakaran demi untok memenohi kehendak2 dan chara berfikir jenerasi baru yang sa-makin meningkat dari masa ka-masa," ujar beliau.

Beruchap di-majlis Konvokeshen yang kelapan di-Dewan Sharahan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong di-sini pada hari Sabtu 6hb. Disember lepas, Awang Abd. Razak mengingatkan bahawa guru2 yang tidak mahu memajukan diri-nya baik dari segi keilmuan mahu pun dari segi profeshional akan ketinggalan zaman dan menjadi 'out of date'.

Untok itu, Awang Abd. Razak penoh berharap supaya guru2 akan dapat menyumbangkan tenaga bakti mereka sa-bagai pendidek yang benar2 bertanggong-jawab dan dedikasi terhadap murid2 di-negeri ini.

Kapada guru2 lepasan maktab beliau juga mengharapkan supaya akan mengamalkan segala ilmu kemahiran yang telah dichapai dalam jangka tiga tahun di-maktab tersebut apabila bertugas di-sekolah2 nanti.

"Awang2 dan Dayang2 sekarang telah di-iktiraf sa-bagai guru2 yang terlateh, dan awang2 dan dayang2 ada-lah di-terima menjadi ahli keluarga dalam profeshen pendidekan yang mana ia-nya merupakan perintis kapada profeshen yang akan di-laksanakan," kata-nya lagi.

Menyentoh mengenai dengan peranan maktab tersebut sa-bagai pusat pengajian tinggi, Awg Abd. Razak berkata bahawa pengukoran-nya bukan-lah sa-takat kualiti kemudahan2 atau jumlah buku rujokan atau ijazah yang di-mileki oleh tenaga2 pengajar-nya malah yang lebeh penting ia-lah peranan-nya sa-bagai satu 'learning environment' yang "conclusive' yang di-wujudkan oleh tenaga2 pengajar untok di-munafaatkan oleh pelajar2 yang perlu bukan sahaja sa-takat di-lateh tetapi juga ia-lah di-dewasakan dengan chara bersesuaian dengan umor dan selera mereka.

"Peranan maktab sa-bagai satu institusi mestilah merupakan sistem yang hidup dan padat dengan berbagai-bagai kegiatan yang menchabar dan memperkayakan pengalaman dan serta memberi faedah kapada perkembangan intelek sosial dan perwatakan," ujar-nya.

"Dan ada-lah menjadi harapan kita supaya maktab ini akan sentiasa melahirkan bakal guru2 yang matang, aktif dan 'dynamic' dinamik yang lebeh menguntongkan kapada bangsa dan negara," tambah Awang Abd. Razak.



YAM Pengiran Laila Kanun Diraja (tiga dari kiri) berserta Timbalan Pengarah Pelajaran, Pengetua Maktab dan lain-nya kelihatan pegun mendengar sa-suatu di-majlis konvokeshen tersebut.



KUMPOLAN hadhrah maktab tersebut mengalunkan pukolan hadhrah mereka yang tidak keting... menyerikan majlis konvo itu.

## akan mendapat banyak faedah

Dari muka 4

Apabila di-tanya mengenai dengan sambutan pehak Askar Melayu Diraja Brunei sa-andai-nya peluang2 untok mengikuti kursus di-Malaysia Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mohammad menjelaskan, "Saya perchaya sa-kira-nya kita di-beri peluang oleh pehak-pehak yang berkenaan untok mengikuti kursus-kursus yang ada di-Pusat2 Latehan tentera Malaysia, ahli2 pasokan ini akan mendapat banyak faedah."

Ahli2 Askar Melayu Diraja Brunei pada ketika ini sering di-hantar ka-United Kingdom dan Singapura untok mengikuti kursus2 yang berkenaan dan masaalah sering timbul tentang Bahasa Inggeris yang mana satu2-nya bahasa yang chuma digunakan di-negara2 tersebut. "Sa-andai-nya kita ingin menghantar ahli2 pasokan kita ka-sebarang laut untok mengikuti kursus2 kita terpaksa-lah menchari orang2 yang tahu berbahasa Inggeris, padahal kalau kita dapat menghantar orang2 kita mengikuti kursus dalam Bahasa Melayu, tugas kita untok menghantar mereka akan lebeh mudah," jelas-nya.

Antara tempat yang dilawati oleh pegawai2 tersebut sa-masa berada di-sana termasok-lah Pusat Latehan Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Darat Malaysia, Pusat Latehan Port Dickson dan Sekolah Pegawai Kadet di-Sebatang Kera.

Kelihatan dari kiri, YAM Pengiran Sanggamara Diraja Lt. Kol. Pg Haji Ibnu bin Pg Datu Penghulu Pg. Haji Apong, Y.B. Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud dan YDM Pehin Datu Indera Setia Lt. Kol. Dato Paduka Sulaiman bin Awg Damit sedang menerima taklimat mengenai Latehan GONZALES LIMA di-Mersing, Johor.

Lt. Kol. Pehin Dato Seri Pahlawan Mohammad sedang di-perkenalkan kapada pegawai2 Kadet di-Sekolah Pegawai Kadet, Sebatang Kera, Port Dickson.

## asohan dan didekan awal

Dari muka 1

merupakan satu pengaroh berkesan dalam perkembangan pelajaran kanak2 itu.

Walau bagaimana, sabda-nya, tugas memberikan pelajaran dan pendidekan kanak2 itu bukan hanya di-pikul oleh ibu-bapa sahaja malah ia-nya di-pikul bersama oleh ibu-bapa dan masharakat khas-nya guru2.

"Dalam masharakat moden, tugas tersebut di-pikul oleh ibu-bapa dan kerajaan di-mana ibu-bapa mengadakan asohan dan memberi didekan awal sementara kerajaan menyediakan sekolah apabila meningkat dewasa. Kerajaan juga membuat undang2 bagi mempastikan yang anak2 menchapai umor tertentu di-beri pelajaran sekolah," sabda Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja.

Menyentoh mengenai dengan titah Kebawah DYMM di-Majlis Keshukoran sempena menyambut Hari Keputeraan Baginda ke-34 tahun baru2 ini, Yang Amat Mulia menambah bahawa sa-bagai sa-buah negara yang beraja ada-lah amat penting supaya guru2 juga akan dapat menanam dan memupok semangat murid2 supaya chintakan raja dan negara dengan tujuan supaya murid2 akan menjadi raayat yang taat setia kapada Sultan dan berguna kapada bangsa dan negara.

Malai Jusnani binte Sheikh Nekman telah di-pileh sa-bagai pelajar terbaik dalam aliran Inggeris bagi pengambilan tahun 1977-1980 sementara Awg Ali bin Timbol di-pileh sa-bagai pelajar terbaik dalam aliran Melayu di-tahun yang sama.

Bagi pengambilan tahun 1976-78, Dayang Hajjah Norhayati bte Haji Tudin di-pileh sa-bagai pelajar terbaik ia-itu dalam bahagian Inggeris manakala Dayang Fatimah bte Haji Damit di-pileh sa-bagai pelajar terbaik dalam aliran Melayu.

Penyampaian sijil2 kapada sa-ramai 240 orang penuntut itu telah juga disampaikan oleh Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas.



YAM Pengiran Laila Kanun Diraja menyampaikan hadiah penuntut terbaik kapada Awang Ali bin Timbol.

PE



# Jauhi sangkaan burok

SALAH satu kemurnian hukum dalam Islam ia-lah seruan-nya supaya umat Islam sentiasa mengukohkan perpaduan dan menguatkan rasa persaudaraan Islam. Dan salah satu chara bagi melaksanakan perkara2 tersebut ia-lah dengan menghindarkan sifat menaroh sangka burok terhadap orang lain. Dasar Islam ini ada-lah penting bagi melindongi nama baik, kehormatan dan kemuliaan sa-seorang dan bagi mempastikan wujud-nya hubongan yang tegoh antara satu dengan lain supaya tiap2 anggota masharakat itu benar2 merupakan umpama batu2 bata yang kukoh mengukohkan satu2 bangunan antara satu dengan lain.

Kerana itu Islam memerintahkan umat-nya supaya sentiasa menaroh sangkaan yang baik terhadap saudara-nya sa-sama Islam. Maka tidak-lah wajar bagi sa-seorang itu menudoh orang lain dengan sa-suatu yang keji atau melupakan tanggong-jawab, atau kurang ugama atau maruah atau sa-suatu perbuatan yang boleh menchachatkan kedudokan-nya sa-lagi tiada terdapat sa-barang sebab yang memungkinkan tudohan2 itu di-buat atau ada tanda2 dan keterangan2 yang di-wajibkan oleh shara' supaya tindakan di-lakukan, saperti ada-nya saksi2 yang adil menyaksikan-nya, atau ada keterangan2 daripada orang yang terlibat dan sa-umpama-nya daripada dalil2 yang di-pakai oleh shara'.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Hujurat ayat 12, yang bermaksud: *"Wahai orang2 yang beriman jauhi-lah oleh kamu memperbanyak-banyakkan sangkaan kerana sa-sunggoh-nya sa-bahagian daripada sangkaan itu ada-lah dosa"*.

Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan umat-nya daripada menyangka-nyangka tanpa berasas, sabda Baginda dalam sa-buah hadith yang bermaksud: *"Jauhi-lah oleh kamu akan menyangka-nyangka yang bukan2 kerana menyangka-nyangka itu ada-lah sa-bohong2 perchakapan"*.

Baginda telah memuji orang yang menyangka-nyangka baik terhadap orang lain, sabda Baginda yang bermaksud: *"Baik sangka itu ada-lah sa-bahagian daripada kebaikan ibadat"*.

Dalam pada itu Islam di-samping menegah umat-nya menyangka-nyangka burok terhadap orang lain ada-lah juga menggesa mereka supaya menjauhkan diri daripada sa-suatu yang boleh menyebabkan timbul sangkaan jahat orang terhadap diri masing2.

Sa-bagai mithal, jika sa-seorang Islam membuat satu ruangan khas untok meletakkan minuman arak di-dalam rumah-nya "Bar" umpama-nya, tentu sahaja jika di-lihat oleh orang lain akan menimbulkan sangkaan burok terhadap-nya ia-itu sa-bagai sa-orang peminum arak sa-kali pun ia tidak di-lihat melakukan-nya.

Dalam hal ini tiada-lah salah bagi orang lain itu menyangka-nya sa-demikian kerana ada tanda2 dan bokti bahawa sangkaan itu berasas. Begitu juga mithal-nya sa-orang lelaki sering kali membawa sa-orang gadis yang bukan muhrim-nya berdua2an baik di-waktu siang atau malam boleh menimbulkan sangkaan burok orang lain terhadap kedua-dua-nya sa-kali pun mereka sa-benar2-nya tiada berbuat perkara2 mungkar sa-lain daripada berdua2-an itu, yang mana dalam keadaan tersebut tiada-lah dapat di-salahkan orang lain jika ia-nya menaroh sangkaan yang burok terhadap kedua-nya.

Kerana perbuatan berdua2-an antara lelaki perempuan yang bukan muhrim-nya itu satu pertanda perbuatan yang kurang baik. Kerana itu Islam melarang sa-seorang itu merayau-rayau ka-tempat2 yang terkenal dengan tempat maksiat sa-kali pun ia tiada berniat hendak melakukan maksiat supaya ia terselamat daripada di-sangka burok oleh orang lain.

Untok mempastikan wujud-nya perpaduan dan keharmonian masharakat serta ketegohan persaudaraan sa-sama Islam mari-lah kita jauhkan diri kita daripada menaroh sangkaan2 burok terhadap sa-sama kita, dan jauhkan-lah juga daripada melakukan sa-suatu yang boleh menimbulkan sangkaan2 orang yang burok terhadap diri kita.



# Memelok Ugama Islam

TUTONG. — Lima orang lagi baru2 ini telah memelok Ugama Islam tiga majlis pengIslaman yang berasingan. Di-satu majlis yang berlangsong di-rumah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Sura Awg Haji Abd. Manan bin Mohammad di-Kampong Panchor Papan, dua orang gadis Dusun telah memelok Ugama Islam.

Mereka itu ia-lah Dy. Aishah bte Lachak yang kini di-kenali sa-bagai Aimi Jaihera bte Abdullah dan Dayang Saerah bte Lachak yang memileh nama Islam-nya sa-bagai Aimi Suhaira bte Abdullah.

Kedua orang saudara baru itu masing2 melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Che'gu Hajjah Tiapnah bte Haji Metusin dan Che'gu Maislamah bte Tunggal.

Turut hadhir dan sa-terus-nya memberikan uchapan di-majlis itu ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin. Juga hadhir di-majlis tersebut beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama termasok Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh Awang Hj. Mohd. Murad bin Abang Ali.



Satu lagi majlis pengIslaman yang juga berlangsong di-Kampong Panchor Papan ia-itu bertempat di-rumah Awang Haji Damit bin Aman, ia-itu sa-orang pemuda Iban berasal dari Sarawak. Dia kini di-kenali sa-bagai Mohd Jeffry bin Abdullah di-hadapan Che'gu Haji Abdul Wahab bin Mohammad (gambar atas).

Majlis itu di-serikan dengan dikir Marhaban dan telah di-hadhiri oleh Pemangku Penguasa Penerangan dan Tabligh serta beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Sementara itu di-ibu negeri telah juga berlangsong satu majlis pengIslaman bertempat di-rumah Awang Haji Mastan di-Kampong Sungai Lampai.

Phan Hang Seng berumor 34 tahun bersama sa-orang anak perempuan-nya yang berumor sembilan tahun (gambar sebelah kiri) telah memelok Ugama Islam dan kini di-kenali sa-bagai Awang Omar bin Abdullah manakala anak-nya Dayang Hafsah binte Omar.

PengIslaman-nya telah di-sempurnakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awg Haji Ismail bin Mat Serudin.

# Islam ugama kesejahteraan dan kemakmoran

**O Bingkisan minggu ini**

UGAMA Islam ada-lah ugama yang paling tinggi darjat-nya serta di-akui oleh Allah s.w.t. sa-bagai satu ugama yang sah serta kekal hingga ka-akhir zaman. Ugama Islam itu di-dirikan ada-lah berdasarkan ka-atas lima sendi yang utama ia-itu: —

(1) Menguchap dua ka-limah shadat.

(2) Sembahyang lima waktu sa-hari sa-malam.

(3) Puasa di-bulan Ramadhan.

(4) Membayar zakat dan fitrah.

(5) Naik haji ke-Mekah atas orang yang kuasa.

Kelima sendi ini ada-lah sa-bagai satu teras yang kukoh, yang tak mungkin dapat di-gugat tentang kedudokan-nya oleh apa2 sahaja pengaroh atau perkara yang chuba menghalang-nya.

Sa-telah kita mengenal sendi2-nya tadi, baharu-lah kita akan dapat mengetahui apa-kah tujuan-nya Ugama Islam itu di-turunkan oleh Allah s.w.t. menurunkan Ugama Islam itu ka-atas muka bumi ini ia-lah, kerana Ugama Islam dapat memberikan bimbingan kapada manusia untok menuju ka-jalan yang benar, ia-itu jalan yang di-redhai oleh Allah s.w.t. Tambahan lagi Ugama Islam ada-lah satu ugama yang bersikap toleransi, tidak memaksa atau pun di-paksa kapada sa-tiap manusia yang berhajat untok menganuti-nya.

Ugama Islam ada-lah satu ugama yang sangat2 mengutamakan perkara2 yang berseh, yang di-namakan suchi daripada apa sahaja jenis2 kekotoran baik dari segi jasmani mahu pun dari segi rohani. Dengan sebab ini-lah juga, kenapa Ugama Islam menegah sa-tiap penganut atau pemelok2-nya daripada melakukan perkara2 yang keji yang merupakan maksiat saperti berzina, meminum arak, berjudi, bersabong ayam dan lain2 lagi perkara yang bertentangan dengan perentah Allah. Ugama Islam melarang semua perbuatan ini di-lakukan, kerana ia-nya khuatir penganut atau pemelok2-nya itu akan tersesat jalan untok menuju ka-jalan Allah, tambahan pula semua-nya perbuatan-perbuatan yang kotor saperti itu, hanya-lah akan mendatangkan kehanchoran ka-atas jasmani dan rohani manusia di-atas muka bumi ini.

Ugama Islam tidak melarang umat2-nya untok berusaha demi kesenangan hidup di-dunia, asalkan kita tetap menunaikan segala perentah-nya yang menjadi kewajipan ibadah kapada kita, bahkan kita ada-lah di-wajibkan untok berusaha dan bekerja saperti berjual-beli dan lain2 perkara lagi untok kesenangan hidup di-dunia ini, lagi pun Ugama Islam tidak suka penganut atau pemelok2-nya hidup hanya bersandarkan ka-atas bahu orang lain sahaja kechuali dia berada di-dalam situasi keuzoran yang berat, dan Ugama Islam tidak mahu umat2-nya menjadi peminta2 sedekah kerana perbuatan meminta2 itu ada-lah satu perbuatan yang sangat2 mengaibkan di-sisi masharakat.

Perbuatan2 suka berusaha ada-lah satu sifat yang mulia pada Ugama Islam, ini ada-lah bersesuaian dengan matalamat-nya, bahawa Ugama Islam itu ada-lah ugama kesejahteraan dan kemakmoran. Dengan berusaha untok melengkapkan kehidupan kita, bermakna kita akan memenohi tanggong-jawab serta amanah yang di-berikan oleh Allah kapada kita sa-bagai makhlok yang tinggi darjat-nya. Di-samping itu kita akan dapat menekmati hasil usaha kita dengan penoh keshukoran dan redha terhadap kornia Allah.

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 10hb Disember, 1980 hingga ka-hari Selasa 16hb Disember, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10hb Dis | 12.18 | 3.36 | 6.13 | 7.28 | 4.44 | 4.59 | 6.17 |
| 11hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 12hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 13hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 14hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 15hb Dis | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 16hb Dis | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# PERKATAAN 'GOD' MENGGANTIKAN PERKATAAN 'ALLAH'

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti

PERKATAAN 'Allah' itu suatu nama bagi Allah yang di-sembah dengan sa-benar2-nya dan erti perkataan 'Allah' itu ia-lah zat yang wajib ada-nya, lagi wajib bersifat dengan segala sifat yang sempurna, yakni: Tuhan yang menjadikan segala makhlok dan sekalian alam.

Di-dalam Al-Kor'an perkataan 'Allah' itu sangat banyak di-sebutkan sa-bagai suatu nama kapada Tuhan Rabbul 'Alamin yang tunggal.

Dan perkataan 'Allah' itu suatu **al-Ismul A'azam.** Apabila orang2 berdo'a dengan menggunakan perkataan 'Allah' maka ada-lah do'a-nya itu lebeh mustajab dan makbul. Dari itu orang2 Islam sentiasa menyebut perkataan 'Allah' sa-bagai nama Tuhan Rabbul 'Alamin dan sa-bagai satu zikir saperti kata mereka: **"Ya Allah!"** atau **Allahumma".**

### LAIN2 PERKATAAN

Sa-lain perkataan 'Allah' itu orang Islam juga memakai perkataan **'Rab'** dengan bersandar kapada saperti :

رَبُّ الْعَالَمِيْنَ — رَبِّيْ — رَبُّكَ
رَبُّ آبَائِكُمُ الْأَوَّلِيْنَ •

Yakni: *Tuhan Rabbul 'Alamin — Tuhanku — Tuhan kamu dan Tuhan datok nenek kamu.*

Akan tetapi perkataan 'Allah' itu tunggal bersendiri, ia-itu tiada bersandar pada apa2 perkataan jua pun.

Perkataan 'Tuhan' bagi orang Islam Melayu sama erti-nya dengan perkataan2 'Ar-Rab' atau 'Al-Ilah' dalam bahasa Arab.

### HUKUM

**Tiada ada larangan pada menggunakan suatu perkataan bagi menunjok kapada makna perkataan 'Allah' dalam mana2 bahasa manusia.**

Ada pun nama2 Allah yang berupa sifat saperti

## Siri ke-57

**'Al-Rahman Ar-Rahim'** dan lain2 lagi saperti nama2 Allah yang berupa sifat saperti dalam **"Al-Asma'ul Husna"** maka nama2 itu tiada sah di-reka melainkan dengan izin shara'.

### GOD

Ada pun perkataan 'god' dalam bahasa Inggeris ada-lah menunjok kapada berbagai-bagai tuhan ('t' huruf kechil) saperti dalam kamus. Dan orang2 Nasrani beriktiqad bahawa Allah itu **'satu daripada tiga tuhan'** — ia-itu saperti di-sebutkan dalam Al-Kor'an Surah al-Ma'idah ayat 73 :

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِيْنَ قَالُوْا إِنَّ اللّٰهَ
ثَالِثُ ثَلَاثَةٍ وَمَا مِنْ إِلٰهٍ
إِلَّا إِلٰهٌ وَاحِدٌ

Tafsiran-nya: *"Demi sasunggoh-nya telah kufurlah mereka yang berkata bahawa Allah itu satu dari tiga tuhan (yakni: kata orang Nasrani, Nabi Isa dan ibu-nya Sayidatuna Mariam itu tuhan, jadi tuhan itu berjumlah tiga) dan tiada-lah ada tuhan itu melainkan satu Tuhan ia-itu Allah Subhanahu wata'ala, Tuhan seru sekalian alam".*

### WAJIB DI-SUCHIKAN

**Wajib-lah Allah itu dipelihara dan di-suchikan dari segala kesamaran serta kekurangan.**

Sabda Rasulullah (sallallahu 'alaihi wassallam) yang di-riwayatkan daripada sahabat bernama Abi Raqiah Tamim bin Aus Ad-Dari (r.a.).

اَلدِّيْنُ النَّصِيْحَةُ

Yakni: *"Ugama itu nasehat".*

Kemudian sahabat2 bertanya: *"Bagi siapa ya Rasulullah?"*

Sabda Baginda menjawab:

لِلّٰهِ وَلِرَسُوْلِهِ وَلِكِتَابِهِ
وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِيْنَ وَعَامَّتِهِمْ •

Yakni: *"Nasehat itu bagi Allah, bagi Kitab-Nya, bagi Rasul-Nya, bagi pemimpin2 umat Islam dan bagi umat Islam selurohnya."*

### NASEHAT

Al-Imam Al-Khattabi mengatakan: "Nasehat itu suatu perkataan yang di-ertikan berkehendakkan kebajikan kapada yang di-beri nasehat itu. . . dan erti **'nasehat bagi Allah'** itu ia-lah kita betulkan iktiqad kita kapada Allah dengan mengesahkan-Nya; dan kita bersehkan niat kita beribadat sa-mata2 kapada-Nya. Dan **'nasehat bagi Kitab Allah'** maknanya kita beriman dengan Kitab Allah serta beramal dengan isi kandongan-nya. Dan erti **'nasehat bagi Rasul Allah'** ia-lah kita membenarkan kenabian Rasul-Nya Sayidina Muhammad itu serta kita tumpahkan ta'at setia kita pada mengikut perentah dan larangan-nya. **'Nasehat bagi umat Islam'** pula bermakna: Kita memberi petunjok kapada mereka itu pada perkara yang mendatangkan kebajikan kapada mereka."

### JAUHKAN KESAMARAN

Oleh yang demikian, menurut kamus bahawa perkataan 'God' itu ada mengandongi makna berbagai-bagai tuhan sama ada yang salah atau benar pada ugama Islam maka apabila perkataan 'God' itu mahu di-pakai sayugia-lah dengan di-sandarkan kapada lain2 perkataan yang memberi makna **'God' — Tuhan seru sekalian alam; 'God' — kami yang maha esa; 'God' — yang maha pemurah lagi pengasehani; 'God' — yang menjadikan segala alam; dan sa-umpama-nya lagi.**

Apabila di-sandarkan 'God' kapada ungkapan 'God' yang bererti Tuhan pada orang Melayu/Islam itu dari segala kesamaran dan dari segala sifat yang baharu yang membawa shirik dan kufur.

*WALLAHU A'ALAM.*

**Ada pun perkataan 'god' dalam bahasa Inggeris ada-lah menunjok kapada berbagai-bagai tuhan ('t' huruf kechil) saperti dalam kamus. Dan orang2 Nasrani beriktiqad bahawa Allah itu 'satu daripada tiga tuhan'.**



DAYANG Saliah bte Abdul Latif dari Kampong Burong Pingai Ayer telah menyandang johan dalam bahagian perempuan di-peraduan membacha Al-Kor'an anjoran PERTIWI Kampong Lurong Dalam. (Berita lihat muka 18).

# N HASSANAL BOLKIAH

## Jangan terpengaroh oleh konsep dedikasi dan perjuangan palsu

**— Abd Ghani Bujang**

GADONG. — Guru2 lepasan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-ingatkan supaya jangan mudah terpengaroh oleh konsep dedikasi dan perjuangan palsu yang hanya mengabui mata masharakat sedangkan motif mereka yang sa-benar ada-lah bertujuan untok makan gaji.

Apa yang perlu bagi sa-tiap guru2 ia-lah berkhidmat dengan jujor serta ikhlas pada menaborkan bakti kapada bangsa dan negara.

Demikian ingatan yang telah di-buat oleh Awang Abd. Ghani bin Bujang, Pemangku Pengetua MPSHB ketika beruchap di-majlis Konvokeshen ka-lapan yang telah di-langsongkan di-sini pada Sabtu yang lalu.

Sa-bagai sa-orang guru, kata-nya, apa yang mustahak ia-lah mengajar kanak-kanak tentang 'kemahiran belajar' supaya dengan itu nanti murid2 akan dapat belajar sendiri tanpa mengharapkan 'spoon-feeding' dari guru2.

Hal ini, kata-nya, sangat penting memandangkan terlalu pesat-nya revolusi ilmu pengetahuan dewasa ini. Konsep guru sa-bagai 'transmitter of knowledge' atau 'the person who knows everything' itu sudah 'out of date' dan tidak dapat di-jadikan pegangan lagi.

Di-samping itu, tambah-nya, guru juga mustahak menjaga dan mengembangkan serta memajukan naluri ingin tahu yang ada di-jiwa kanak2 kerana dengan itu kita akan dapat membentok kanak2 yang aktif, menyelidek dan ingin mengkaji dan chintakan kapada pembelajaran.

Kerana kata-nya, apa juga bentok usaha kita untok menggalakkan kanak-kanak supaya rajin belajar tanpa berpandukan kapada saikoloji kanak-kanak segala usaha2 tersebut akan hanya menghasilkan bilangan yang sedikit.

Untok itu, Awang Abd. Ghani terus mengingatkan kapada guru2 supaya jangan terlalu 'bogged-down' dalam menyampaikan pelajaran malah mereka handak-lah berusaha memberi sa-berapa banyak bimbingan, panduan dan tunjok-ajar dalam teknik2 belajar, penyelidekan dengan membentok akal fikiran yang kritikal dan analitikal di-kalangan murid2.

"Tidak ada erti-nya sistem pelajaran kita menghasilkan 'end products' yang 'in the final analysis' menjadi golongan terpelajar yang gagal 'despite their qualification and experience' menggunakan ilmu pengetahuan mereka untok faedah masharakat, bangsa dan negara dalam konteks yang lebeh luas dari bidang pekerjaan dan kepakaran mereka," tambah-nya.

Maka untok menchapai kejayaan dalam tugas masing2, beliau sa-terus-nya menyeru guru2 supaya sentiasa meranchang streteji dengan bersandarkan lunas2 saikoloji saperti mengembangkan naluri ingin tahu, menghormati sifat2 individu kanak2 dan lunas2 sosioloji saperti memahami faktor2 luar yang datang-nya dari keluarga dan enviromen kanak-kanak yang boleh mempengarohi sikap mereka terhadap pendidekan di-samping berdamping rapat dengan keluarga murid2 dan menyelidek sendiri alam realiti murid-murid.

"Kerana saya perchaya kegagalan dalam pelajaran ada-lah di-sebabkan ada-nya sa-tengah guru2 yang hanya meranchang pelajaran dengan chuma menitek-beratkan kapada kepentingan bidang ilmu dan kehendak sukatan pelajaran sa-mata-mata tanpa mengindahkan faktor naluri, selera dan alam persekitaran kanak2," jelas-nya lagi.





ANTARA jemputan khas serta pensharah2 yang menghadhiri majlis tersebut (gambar atas) dan salah sa-orang lepasan maktab menerima sijil perguruan-nya dari YAM Pengiran Laila Kanun Diraja (gambar bawah).





NTUT2 lepasan maktab beriringan untok menerima sijil2 kelayakan masing2 (atas kanan) manakala atas kiri serta gambar2 bawah lepasan2 maktab menerima sijil masing2.





## Persaingan perniagaan: langkah positif K'jaan

Dari muka 3

"Memang persaingan ada-lah merupakan satu perkara biasa di-dalam dunia perniagaan tetapi pada "reality-nya" bagai-mana-kah peniaga2 kita Melayu boleh bersaing dengan mereka (peniaga2 asing) yang lebeh established di-dalam keadaan kita yang serba kekurangan ini dan sa-hingga bila-kah keadaan ini akan dapat di-perbaiki?"

"Di-dalam soal2 persaingan ini-lah kerajaan dapat mengambil langkah yang positif di-dalam memberikan keistimewaan kapada peniaga2 bumiputera serta memberikan perlindongan kapada mereka dan ada-lah juga diharapkan bank2 yang terdapat di-negara ini memberikan kerjasama yang lebeh baik daripada keadaan pada ketika ini," tambah beliau.

Awang Zainal yang mula aktif di-dalam perniagaan di-dalam tahun 1965 kini juga melibatkan diri sa-bagai sa-orang pemborong dan pembekal barang2 bangunan.

Peniaga2 barang2 runchit tidak juga kurang mendapat perhatian daripada kerajaan dan di-dalam kunjongan kami ka-Kampong Pekilong Muara kami telah berkesempatan bertemu-bual dengan salah sa-orang gadis yang turut serta mengikuti kursus bimbingan peniaga2 Melayu baru2 ini yang mewakili ibu-nya, Dayang Norsiah Haji Hidup, 16 tahun.

"Saya tidak mendapati apa2 kechachatan tentang kursus yang saya ikuti itu tetapi oleh kerana ia-nya kursus yang pertama yang di-ikuti oleh sa-bilangan besar peserta2 ada-lah lebeh baik masa-nya dipanjangkan," jelas Dayang Norsiah.

Dayang Norsiah yang membantu ibu-nya, Dayang Hitam Lamit, 43 tahun di-dalam kerja2 pengurusan kedai mereka menjelaskan yang mereka telah memperolehi pinjaman sa-banyak $15,000 daripada kerajaan buat permodalan perniagaan mereka.

"Tidak ada yang dapat saya uchapkan kapada Kerajaan DYMM melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi kechuali penghargaan yang tinggi di-atas bantuan yang di-berikan kapada kami ini," jelas Dayang Norsiah.

BELIA DAN SOKAN

# KEJOHANAN CHATOR KEBANGSAAN BERAKHIR

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kejohanan Chator yang di-anjorkan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Negeri Brunei telah berakhir minggu lalu dengan perlawanan khas antara Pengiran2 Cheteria, Pehin2 dan Ketua2 Kampong sa-belum majlis penyampaian hadiah yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini.

Perlawanan yang di-adakan pada hari tersebut telah di-menangi oleh Pengiran2 Cheteria, kedua Pehin2 dan ketiga Ketua2 Kampong. Dengan kemenangan itu Pasokan Pengiran2 Cheteria telah berjaya memenangi piala rebutan dari YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Kejohanan chator kebangsaan ada-lah di-anjorkan sa-bagai projek tahunan oleh Persatuan Chator Kebangsaan Brunei sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun.

KEPUTUSAN

Dalam perlawanan kumpolan satu bagi daerah Brunei dan Muara johan telah di-sandang oleh Mohd. Asnawi bin Haji Abdul Halim, kedua Dato Anthony Chin dan ketiga Awang Ismail bin Yussof.

Dalam kumpolan dua bahagian tersebut tempat pertama telah di-menangi oleh Mohammad bin Haji Matahir, kedua Awang Foo Chee Ying dan ketiga ia-lah Haji Hassan bin Hj Ahmad.

Perlawanan dalam bahagian Kejohanan Chator Kebangsaan Negeri Brunei 1980 ada-lah merupakan satu perlawanan bagi merebut piala yang di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Johan dalam bahagian tersebut telah di-menangi oleh Awang Mohammad bin Awang Damit, kedua Ismail bin Yussof, ketiga Lalita Kamblee, keempat Mohd. Asnawi bin Haji Abdul Halim, kelima Ak Abd Rahman bin Pg. Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd. Yussof, keenam Mohammad bin Hj Matahir dan Ketujoh Pengiran Mohd Limbang bin Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Mohd. Yussof.

Dalam bahagian Chator Remaja bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Noor perlawanan telah di-menangi oleh Ak. Aliddin bin Pengiran Jaafar, kedua Ak. Abdullah Sani Pengiran Jaafar dan ketiga Ak. Asrul Mohidi bin Pengiran Jaafar.

BERPASOKAN

Perlawanan dalam bahagian berpasokan ada-lah bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Idris Ibni Pengiran Maharaja Laila Sahibol Kahar Pengiran Muda Abdul Kahar.

Dalam bahagian ini Pasokan Laila Wijaya telah berjaya menyandang kejohanan, kedua Pasokan Radio Talivishen Brunei dan ketiga Pasokan Kampong Mabohai.



Ada-lah di-fahamkan yang dua orang pemain chator kebangsaan akan bertolak ka-Singapura untok menyertai Perlawanan Chator Perayaan Krismas. Mereka ia-lah Awang Mohammad bin Haji Damit dan Awang Ismail bin Yussof.

Sementara itu pada bulan Februari tahun depan Persatuan Chator Kebangsaan Brunei di-jangka akan menghantar 6 orang pemain yang akan di-iringkan oleh 3 orang pegawai untok menyertai Pertandingan Chator berpasokan bagi kota2 Asia yang akan di-langsongkan di-Hongkong.

# BRUNEI SERTAI BADMINTON ASIA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan mengambil bahagian dalam perlawanan Badminton Asia yang akan berlangsong di-Bangkok dari 10hb hingga 13hb Disember ini.

Dalam perlawanan itu nanti, pasokan Brunei akan mengambil bahagian dalam tiga perlawanan ia-itu satu bahagian perseorangan dan dua dalam bahagian bergu.

Wahab Moksin, pemain utama Brunei, di-jangka akan bermain dalam dua perlawanan ia-itu perseorangan dan berpasangan dengan Asri Ghafar dalam bahagian bergu.

Dua orang pemain yang di-pileh dari Daerah Belait, Chong Kee Cheong dan Arnold Lim buat pertama kali-nya akan bermain di-perlawanan sarupa itu dalam bahagian bergu.

Sa-banyak 14 buah negara Asia akan mengambil bahagian di-perlawanan itu kechuali Malaysia, Indonesia dan Jepun. Perlawanan itu di-anjorkan oleh International Badminton Federation yang berpusat di-Bangkok.

Pasokan Brunei telah berlepas semalam dan akan pulang ka-tanah ayer pada 14hb Disember.





**PERLAWANAN Badminton antara jabatan2 Kerajaan bagi merebut piala yang di-sumbangkan oleh Pengarah Jabatan Pelajaran Brunei sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-teruskan lagi minggu lalu dengan beberapa perlawanan.**

**Pada Jumaat lalu perlawanan di-teruskan dengan pertarongan di-antara Pasokan Kastam dengan Pelajaran 'B' di-mana berkesudahan dengan Pasokan Pelajaran 'B' memenangi perlawanan dengan kiraan 5-0.**

**Di-hari berikut-nya ia-lah perlawanan di-antara Pelajaran 'A' dengan Pasokan Letrik 'A' yang mana telah di-menangi oleh Pelajaran 'A' dengan mata 5-0.**

**Sementara itu dalam dua lagi perlawanan yang di-langsongkan pada petang Ahad dan Isnin ia-lah di-antara Pasokan JKR 'B' melawan Perpindahan dan Pasokan Perubatan melawan Pasokan Setia Usaha Kerajaan.**

**Perlawanan berkeputusan dengan kemenangan di-tangan Pasokan JKR 'B' dan Pasokan Perubatan di-mana masing2 telah mengalahkan lawan mereka dengan 4-1 dan 5-0.**

**Perlawanan yang di-jalankan pada Selasa lalu (lihat gambar) ia-lah di-antara Pasokan Odit dengan Pasokan Pengangkutan Darat. Di-akhir perlawanan Pasokan Odit telah berjaya memenangi perlawanan dengan kiraan 5-0.**

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Hiboran pilehan; 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI:** 12.00 — Senandong Ria — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00 — Serbanika hiboran — Azan isha; 7.30 — Hiboran pilehan; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30—Apa pilehan awda; 10.00 —Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Apa pilehan awda (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30—Salam mesra (SU). **T/HARI:** 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Chitrawar; 1.30 — Mari Menyanyi; **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam — Bingkisan hari ini; 6.09 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib — Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00 — Tafsir Al-Koran — Azan isha; 7.30 — Bimbingan dari Al-Koran; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30 — Dari Kampong ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. **T/HARI:** 12.00—Lagu2 dakwah; 12.15—Bachaan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). **PETANG:** 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Focus radio; 4.00 — Tunas pendidek (SU); 4.30 — Chitrawara; 5.00 — Rakaman radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan khutbah Jumaat — Siri mukkadam; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib — Bingkisan hari ini — Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00—Cherpen dan selokannya—Azan isha; Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

### APA PILEHAN AWDA

PADA minggu ini ranchangan 'Apa Pilehan Awda' akan di-isikan oleh Ak Abdul Ghani bin Pg Haji Sulaiman yang beralamat di-LB 660, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

Peminat2 ranchangan ini akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Ak Abdul Ghani malam ini jam 9.30 malam manakala ulangan-nya akan ka-udara esok, jam 8.30 pagi.

## SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sunitngan hidayat/Peringatan harian; 7.30 — Pada hemat saya; 8.00—Soalan di-udara; 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Varia Peristiwa (SU); 10.30—Serbanika hiboran (SU); 11.00 — Focus radio (SU); 11.30 — Berdendang dengan ku. **T/HARI:** 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. **PETANG:** 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Hiboran selingan — Azan fardhu dzohor; 3.30 Cherpen dan selokan-nya; 4.00 — Chitra irama; 4.30 — Mutiara asli (SU); 5.00 -- Rampaian Peristiwa dunia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam; 6.09 — Menunaikan sembahyang maghrib — Bingkisan hari ini—Lagu dakwah. **MALAM:** 7.00 — Dari kampong ka-kampong (SU) — Azan fardhu isha; 7.30 — Mutiara gambus (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Drama dalam shear (SU); 9.00 — Hiboran pilehan; 9.30 — Titian budaya; 9.45 — Senandong malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 —Bachaan ayat suchi Al-Koran; 10.20 — Doa restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Doktor Radio; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — pancharagam Tempatan; 11.00 — Permintaan dua station. **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB; 1.45 — Pilehan instrumental. **PETANG:** 2.00Petikan dari filem; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari berpantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan olahraga; 4.15 — Drama dalam shaer; 4.45 — Pilehan juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Tuntunan zikir diradio; 6.09 — Mununaikan sembahyang fardhu maghrib, Bingkisan hari ini, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit, Azan fardhu isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Gurindam Lagu; 9.00 — Tunas pendidek; 9.30 — Permintaan lagu lama; 10.00—Tanda Wakta dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayat; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — Dao restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Petikan dari filem (SU); 9.00 — Rampai sari hiboran; 9.30 — Dendang antarabangsa; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 —Berdendang dengan ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00 — Album penyanyi; 1130 — Bingkisan Tanah Ayer (SU). **T/HARI:** 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampaian T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaramai. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — — Siri makkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00 — Penyanyi harapan; 7.30 — Lagu2 dakwah; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Chitra iama (SU); 9.00 — Pertanian dan perikanan; 9.30—Mutiara asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita; 10.05 — Suntingan hidayah; 10.07 — Bachaan ayat2 suchi Al-Koran; 10.20 — restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permintaan Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Rampaian London; 10.30 — Autograph pendengar (SU); 11.00 — Doktor Radio (SU); 11.30 — Salam mesra; **T/HARI:** 12.00—Hiboran rampaian tengah hari, Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaikan Salam. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri mukkadam, Bingkisan hari ini; 6.10 — Menunaikan sembahyang fardhu maghrib, Lagu2 dakwah. **MALAM:** 7.00 —Ruangan ketani (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita—Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharagam (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Antouncemnt — English Examined: Prog. 20; 11.15 — Lunch Music. NOON: 12.00 — Hits In Germany. PM: 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 20 (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — The Pleasure of Your Company presented by Dorn Williams produced by Viviyanti Ali; 10.00—Close Down.

## THURSDAY

AM: 6.5C — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; NOON: 12.00 — My Music—245/267; 12.30 — News; 12.45—Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — Blondie; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Sixty-Minute Theatre: "The Priest and the President" by Michael Kittermaster; 9.00 — Interlude; 9.15—News; 9.30—Classical Show Case XIII 12. Concert: J.S. Bach, 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Maigret — Prog. 4: Maigret Goes Home; 11.45 — Light Music From The Netherland. NOON: 12.00 — Radioscope by Vivianti Ali. PM: 12.30 — News; 12.45 — The Paramour Sound; 1.15 — World or Education; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas; 9.00 — BBC World Report; 9.15 — News; 9.30—Dr Finlay's Casebook; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Women's World; 11.30 — International Call. NOON: 12.00 — Sweet And Stylish. PM: 12.30 — News; 12.45— Lunch Break by Lynette Lithgow; 1.00 — Nice to Know You by Jaafar Yaakub; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Ak Hisamuddin; 9.00 — Room at the Top; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — All for the Blind by Jaafar Yaakub; 11.30 — Children's Half Hour by Veronica Shim. NOON: 12.00 — Top of the Pops (repeat). PM: 12.30 — News; 12.45—Rock Line; 1.00—Belait At One by Andrew Pastouna and Ideris Ali; 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — All for the Blind (repeat); 8.15—Perspective; 8.45 — The Young Sound by Ak Hisamuddin; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Night's Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Down.

## MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — English Examined: Prog. 21; 11.15 — Hello Tomorrow; 11.30 — Music-Go-Round. PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Potpourri produced by Charan Chand; 1.15—Brunei Tourists In London; 1.30—Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Maigret — Prog. 5 (repeat); 8.45 — Monday's Night Mail by Veronica Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World of Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — BBC Sports Magazine; 11.15 — Housewives' Special. NOON: 12.00 — Doctor At Large. PM: 12.30 — News; 12.45 — Lunch Break by Evelyn Samuel; 1.00 — International Hits Made in Germany; 1.30 — Close Down. 8.00—Opening Announcement — Stereo Pop Special "Mike Oldfield (Part 1) Side 1; 8.30—Radioscope (repeat); 9.00— English Examined: Prog. 21 (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Belait At One (repeat); 10.00 — Close Down.

CO-OPERATIVE Radio venture at Kuala Belait 'Belait At One', a Sunday lunch-time programme in English, brings together Radio Brunei and British Forces Broadcasting Services each week in a lively joint production recorded in the RTB studios at Kuala Belait. On the left picture, from left to right: Pengiran Tajuddin, Engineer-in-Charge, Ideris Ali (centre), the RTB producer and Julia Nalepa of BFBS.



## Pendaftaran Trengkas Menaip SM Anggerek Desa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran pelajar2 baru bagi kelas2 Trengkas dan Menaip di-Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas bagi tahun 1981 di-buka mulai sekarang.

Mereka yang ingin memasoki kelas2 tersebut boleh-lah mendaftarkan nama mereka dari sekarang dengan mengisikan borang2 masok yang boleh di-dapati daripada Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah Melayu Anggerek Desa atau kapada guru2 kelas perdagangan yang mengajar di-sekolah tersebut.

Pendaftaran boleh-lah di-buat pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad dari 8.00 pagi hingga 10.30 pagi. Pendaftaran ini akan di-tutop sa-hingga 18hb. Disember, 1980.

## Lawatan ka-Muzium AMDB

BERAKAS. — Sa-ramai 26 orang penuntut termasok empat orang guru yang di-ketuai oleh Dayang Tan Li Lin dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria telah mengadakan lawatan ka-Muzium Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Bolkiah Kem pada hari Selasa lalu.

Rombongan pelawat penuntut itu telah di-alu2kan oleh Kurator Muzium AMDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Mejor Dato Seri Laila Jasa Haji Musa bin Haji Yaakub. Mereka telah di-beri penerangan oleh pegawai bertugas, PW II Abdul Hadi bin Haji Jaya mengenai berbagai-bagai bahan pameran sejarah AMDB.

Lawatan itu bertujuan untok mendekatkan lagi pengetahuan penuntut2 tentang kerjaya anggota tentera.



PESERTA kursus latehan asas kerani2 dari beberapa buah jabatan kerajaan bergambar ramai di-akhir penyertaan mereka di-Pusat Latehan, Jabatan Perjawatan. Sa-panjang kursus sa-lama lima hari itu, mereka telah mendengar cheramah2 dari pensharat2 Yunit Latehan berhubong dengan tata-susila pejabat, berchakap dalam talipon, perhubongan awam dan tujuan dalam pekerjaan yang antara lain bertujuan untok membantu mereka ka-arah chara bekerja yang lebeh sempurna dan berkesan.

# 46 orang di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan mengumomkan kenaikan pangkat bagi 46 orang pegawai dari beberapa buah jabatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dari bahagian IV hingga 1.

Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan, Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan dan Dayang Sofiah binte Abdullah @ Dayang Lau Soo Ha Guru Terlateh Inggeris kedua2-nya dari Jabatan Pelajaran telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pelajaran di-jabatan yang sama ia-itu dalam bahagian II.

Awang Abdul Momin bin Tengah, Penterjemah Kanan (Pemangku Ketua Penterjemah) Majlis2 Mashuarat Negeri telah di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Penterjemah di-jabatan yang sama. Jawatan tersebut ia-lah dalam bahagian II.

Dua orang pegawai dari Jabatan Pertanian, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Mohd. Salleh, Penolong Pegawai Pertanian di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Pertanian dan Dr. Seruddin bin Datu Setiawan Haji Tinggal, Pegawai Pertanian di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Pertanian Kanan kedua-dua-nya dalam bahagian II.

Ak Othman bin Pg. Hj. Omar, Tukang Pelan Kanan, Jabatan Kerja Raya di-naikkan pangkat ka-jawatan Akitek ia-itu jawatan dalam bahagian II.

Enam orang pegawai perubatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perubatan Kanan ia-itu jawatan dalam bahagian I. Mereka ia-lah Dr. Haji Mir Ghulam Ghouse, Dr. Veerasingam Kulathungasundharam Balasingam, Dr. Haji Sulaiman Azam Nalla, Dr. Vallavanthara Jesoph Sebastian, Dr. Rajagopal dan Dr. Anthony Amlor Berty Ratnasamy.

Awang Meludin bin Elim dan Awang Abdul Momin bin Haji Jaafar Kedua-dua-nya Juruteknik Gigi di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Juruteknik Gigi Kanan. Jawatan tersebut dalam bahagian III. Dua orang juruteknik X-ray di-jabatan yang sama ia-itu Awang Shahminan bin Hj Saidin dan Awang Muntaha bin Pehin Khatib Haji Mohd. Said di-naikkan pangkat sa-bagai Juruteknik X-Ray Kanan dalam bahagian III.

Tiga orang Kerani Sulit/Jurutaip telah di-naikkan pangkat sa-bagai Setiausaha Sulit ia-itu jawatan dalam bahagian II. Mereka ia-lah Dayang Zainidah binte Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain di-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik, Haji Awang bin Haji Ajak di-Jabatan Pelajaran dan Dayang Irene Evelyn Keasbery di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Dua orang pegawai di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Awg Muhammad bin Awg Jambol, Penolong Pegawai Istilah telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perkamusan dalam bahagian III dan Awg Md Shahri bin Pehin Orang Kaya Jurulateh Awang Hj Md. Hussin/Awg. Husin, Pengarang, di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Penyunting ia-itu dalam bahagian II.

Dua orang pegawai Pelajaran Kanan di-Jabatan Pelajaran, Awang Ali Hashim bin Haji Daud dan Dayang Misli binte Haji Awang telah di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Pengarah Pelajaran ia-itu jawatan dalam bahagian I dan dua orang pegawai dari Jabatan itu, Awang Lim Jock Jin dan Dk. Mariam binte Pengiran Metarsad kedua2-nya Pegawai Pelajaran telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Pegawai Pelajaran Kanan ia-itu dalam bahagian II dan Awang Mohammad bin Haji Jaruddin, Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa di-naikkan pangkat sa-bagai Penolong Kanan Penyusun Pelajaran Dewasa juga dalam bahagian II.

Lima belas orang pegawai di-beberapa buah jabatan Kerajaan telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Kerani Sulit/Jurutaip ia-itu dalam bahagian III. Mereka ia-lah Awang Ismail bin Haji Jaruddin di-Jabatan Pelajaran (Bahagian Majlis Pelajaran); Awang Ibrahim bin Abd. Karim di-Jabatan Bandaran; Dayang Siti Noraini binte Sheikh Haji Omar di-Jabatan Kastam; Awg Tengah bin Ahmad di-Jabatan Pelajaran; Awang Ibrahim bin Jamuddin @ Abd. Rahman di-Pejabat SUK; Awang Mohd. Hussin bin Haji Hassan di-Jabatan Pelajaran; Awg Mohd. Tejuddin bin Ibrahim di-Pulis Diraja; Awang Abd. Karim bin Abdul Kadir di-JKR; Ak. Momin bin Pengiran Md. Daud di-Jabatan Talikom; Awang Zainal bin Taha di-Jabatan Letrik; Dayang Armah binte Damit di-Jabatan Pelajaran; Dy. Ang Sock Kem @ Elena di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan; Dayang Dunai binte OKPD. DSLJ Awang Lukan di-Jabatan Perubatan; Awang Mohd. Yusof bin Md. Salleh di-Jabatan Pelajaran di-AMDB dan Awang Untong bin Nudin di-Jabatan Perubatan.

Awang Gharif bin Dato Seri Laila Haji Samat, Pegawai Kastam Jabatan Kastam di-naikkan pangkat ka-jawatan Penyelia (Dalam) di-Jabatan yang sama.

Dayang Rita R. Newn, Penolong Pegawai Yang Menguasai Lalu-lintas Udara di-Jabatan Penerbangan Awam di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai yang Menguasai Lalu-lintas Udara Tingkatan III ia-itu dalam bahagian III di-jabatan yang sama.

Awang John Puk Min Sang, Jurukira Kanan, Jabatan Kewangan di-naikkan pangkat ka-jawatan dalam bahagian I ia-itu sa-bagai Pengetua Jurukira di-Jabatan yang sama.

Dayang Mastura binte Haji Mohsin, Juruteknik Makmal Kanan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-naikkan pangkat sa-bagai Ahli Kimia Hayat dalam bahagian II di-jabatan yang sama.

Awang Zaini bin Haji Bagol, Penyelenggara Setor Tingkatan I di-Jabatan Setor dan Perbekalan Negara di-naikkan pangkat sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkatan Khas di-Jabatan yang sama.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga mengumomkan perubahan nama jawatan dan pertukaran beberapa orang pegawai.

Awang Abd. Jalil bin Abu. Bakar, Ketua Pembantu Teknik, Jabatan Ukor di-tukar ka-jawatan sa-bagai Ketua Juruteknik di-jabatan yang sama yang bermula dari 1hb. Mei, 1980.

Pengiran Anak Puteh Ibni Pengiran Pemancha Pengiran Muda Hj Mohd. Alam, Pegawai Pentadbir Tingkatan Khas, di-Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam di-tukar ka-Jabatan Perkhidmatan Diplomatik dalam Jawatan yang sama mulai dari 2hb. Ogos, 1980.

Awang Damit bin Hashim, Kerani Tingkat II, Bahagian Yunit Peranchang Ekonomi SUK di-tukar ka-Jabatan Bandaran, BSB dalam Jawatan yang sama mulai dari 1hb. Nobember, 1980.

Awang Hassanol As'shari bin POK Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pegawai Pentadbir Tingkatan I, Talikom di-tukar ka-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei dalam jawatan yang sama yang bermula dari 3hb. Nobember, 1980.

Awang Abidin bin Md. Zain, Kerani Tingkatan II, Jabatan Bandaran BSB di-tukar ka-Pejabat Askar Melayu Diraja Brunei dalam jawatan yang sama mulai dari 3hb. Nobember, 1980.

Awang Zainal bin Haji Tengah, Kerani Tingkatan II, AMDB bertukar ka-Jabatan Setia Usaha Kerajaan dalam jawatan yang sama mulai dari 11hb. Nobember, 1980.

Sementara itu Pengiran Dato Paduka Haji Abd. Rahman bin Pengiran Hj. Abd. Rahim, Pegawai Pentadbir Kanan, SUK telah bersara pada 11hb. Nobember, 1980 lalu.



SA-ORANG guru pengawas yang menyertai lawatan itu kelihatan sedang memerhatikan dengan penoh minat senjata yang di-gunakan oleh Pasokan AMDB.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI LUAR DI-BAHAGIAN PENERANGAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Luar di-Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris/Melayu) dan berumor tidak lebeh 35 tahun, atau

b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya dalam empat tahun dan mempunyai kechenderongan serta pengalaman dalam kerja2 perhubongan dengan orang ramai.

**Tugas2 :**

Memberi penerangan di-kampong2 jika di-perlukan dan membuat persediaan2 unit dalam mengadakan wayang gambar dan pembesar suara dan juga tugas yang di-kehendaki dari satu masa ka-suatu masa.

**'Am**

Pemohon2 yang berjaya hendak-lah sedia berkhidmat untok di-tempatkan di-Temburong, Belait, Tutong dan Brunei/Muara.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/809/73)
(Bil : 169/1980)

## Sa-bagai Penolong Pegawai Istilah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penolong Pegawai Istilah di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa (tidak termasok mata-pelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan mendapat menguasai dua bahasa (satu daripada-nya bahasa Melayu) dengan baik.

b) Mempunyai bakat dan kechenderongan dalam kerja2 istilah.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berkebolehan membacha dan menulis Jawi dengan baik.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24hb Januari, 1981.

(E/598/76)
(Bil : 175/1980)

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT

### TENDER NOTICE No. 1/1981

TAILORING AND SUPPLYING MATERIAL FOR FIRE BRIGADE UNIFORMS

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei up to 4.00 p.m. on Wednesday 31st December, 1980 for Taloring and Supplying Materials for Fire Brigade Uniforms. Tenderers are required to quote prices per piece suit for the supply and tailoring of the following uniforms :—

1. **Blue Dungaree**
   1. 18" Splitzip fastener jacket long sleeves with trousers — $ ...... per suit.
   2. 18" Splitzip fastener jacket — $ ...... per piece.
   3. Trousers for above — $ ...... per pairs.
2. **Tunic Tet/Viscose Material**
   4. Tunic. short sleeve with trousers for Officers — $ ...... per suit.
   5. Tunic, short sleece for above — $ ...... per piece.
   6. Tunic, long sleeves with trousers ... for Officers No. 1 Dress — $ ...... per suit.
   7. Tunic, long sleeve for above — $ ...... per piece.
   8. Tunic, long sleeve with trousers for firemen No. 1 Dress — $ ...... per suit.
   9. Tunic, long sleeve for above — $ ...... per piece.
   10. Tunic, long sleeves with trousers extra inner lining for Officer — $ ...... per suit.
   11. Tunic, long sleeve for above — $ ...... per piece.
   12. Trousers for above items — $ ...... per pair.
3. **White Drill Material**
   13. Shirt short sleeve for male cook — $ ...... per piece.
   14. Trousers for abovez — $ ...... per pair.
4. **White Tetron Material**
   15. Bajus for female cook — $ ...... per piece.
   16. Sarong for above — $ ...... per piece.
5. TAILORING WORKMANSHIP only of which the cloth "DECRON GREEN MATERIAL" to be provided by the Fire Brigade Department : —
   17. Shirt, short sleeve for firemen — $ ...... per piece.
   18. Trousers for above — $ ...... per pair.

Details of the uniforms material can be obtained from the officer-in-charge, General Store, Fire Brigade Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.

All uniforms must be tailored within reasonable time to the satisfaction of the Controller of Fire Brigade, if not to his satisfaction, the uniforms will be returned to the Contractor who will make the necessary improvements without extra charges.

Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked : "Supplying Material for Fire Brigade Uniforms". The name of the tenderer must not appear on the envelope.

Tenders received after the abovementioned time will be rejected. The period of contract of the above tender is one year. Sonract may be terminated by either party giving one month notice in writing.

The cover must be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The lowest or any tender will not necessarily be accepted.

## Sa-bagai Tukang Letrik Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Letrik Tingkat I di-chawangan Jurutera Garrison, Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 memasang, menyenggara dan membaiki dawai dan alat2 letrik yang berkaitan. Hendak-lah boleh membaiki perkakas2 letrik yang di-gunakan dalam rumah, saperti dapor karan, kipas angin dan lain2 lagi. Hendak-lah juga boleh mengawas pekerja2 lain. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai sa-suatu Sijil Sekolah Pertukangan.

**Tangga Gaji :**

D. 3 EB. 4 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek sa-lama tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Januari, 1981.

(E/1005/73)
(Bil : 171/1980)

## ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

SERIAL No. 20(AC)80
AIR CONDITIONING INSTALLATION

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A, B and C air conditioning contractors up until 12.00 noon on Tuesday 16th December, 1980 for the : —

"AIR CONDITIONING INSTALLATION X-RAY DEPARTMENT DISTRICT HOSPITAL, TUTONG".

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Air Conditioning Installation, X-Ray Department District Hospital, Tutong."
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The Tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 46(IW)/1980

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 16th December, 1980 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR RURAL MOSQUE AT KAMPONG TELISAI, TUTONG DISTRICT.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR RURAL MOSQUE AT KAMPONG TELISAI, TUTONG DISTRICT."

The tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited from Registered Contractors for the construction of 4 kampong style low cost houses at Luahan Station on the Student Settlement Project Site.

Copies of the plans and specifications for these units may be obtained from the Agriculture Officer i/c. Project Luahan, Luahan Station (Telephone No. 85-458) who will also show the sites for these houses.

Tenders should be submitted under sealed cover marked : "Luahan Project Houses —Department of Agriculture" to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 noon on Wednesday 24th December, 1980.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Kerani dan Jurutaip

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Kerani/Jurutaip di-Jabatan Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor antara 18 hingga 35 tahun dan lulus Tingkatan III atau sebanding dengan-nya.

b) Boleh menaip sekurang2-nya 40 perkataan dalam sa-minit.

c) Mempunyai kelayakan Trengkas merupakan satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/936/74)
(Bil : 167/1980)

## TENDER NOTICE

### PROPOSED LIFT INSTALLATION COMPRISING 5 UNITS OF LIFTS FOR THE NATIONAL STADIUM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

REGISTERED Specialist Contractors and firms in Lift Installation are invited to submit tender for the complete supply and installation of Lifts at the National Stadium, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 11th December 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and the drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 20th January, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked:—TENDER FOR "LIFTS INSTALLATION FOR THE NATIONAL STADIUM, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI."

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR KITCHEN EQUIPMENT FOR WELFARE HOME AT KAMPONG PULAII, JALAN KEBANGSAAN, BRUNEI (PHASE-II).

REGISTERED Class 'A' and B Electrical Contractors Registered with Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Kitchen Equipment for Welfare Home at Kampong Pulaii, Jalan Kebangsaan, Brunei (Phase-II) — Proposed Kitchen at Open Home for 40 Boys.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 10th December, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 6th January, 1981. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked : — TENDER FOR KITCHEN EQUIPMENT FOR WELFARE HOME AT KAMPONG PULAII, JALAN KEBANGSAAN, BRUNEI (PHASE-II) — PROPOSED KITCHEN AT OPEN HOME FOR 40 BOYS.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## SOIL INVESTIGATION FOR MUARA PORT WHARF EXTENSION

TENDER will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Soil Investigation Contractors up to 12.00 noon 23rd December 1980.

Soil Investigation for Muara Port Wharf Extension.

Tender document can be obtained from Messrs Associated Consultants Private Limited, Room 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 18th December 1980 onward during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$500.00 which will be in the form of a Bank Draft in favour of the Government of Brunei and refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

The Tender documents are properly filled and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Brunei Tenders Board, Brunei and prominently marked in the top left hand corner : —

Tender for : —
Soil Investigation for Muara Port Wharf Extension

And deliver to reach:—
The Chairman,
Brunei Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon on Tuesday, 23rd December 1980.

The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender,

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEGAWAI LUAR PERPINDAHAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pegawai Luar Perpindahan di-Pejabat Perpindahan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus Pepereksaan Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Pe-rengkat Biasa) dalam tiga mata pelajaran (termasok Ilmu Hisab dan Lukisan) atau lulus Sijil Persekolahan dengan mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab dan Lukisan.

b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 5 tahun dalam kerja luar, kerja pejabat atau teknikal.

ATAU

c) Pegawai2 yang sedang berkhidmat yang tidak mempunyai kelayakan tersebut di-atas tetapi telah memegang jawatan Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 10 tahun dan pernah menjalankan atau bertanggong-jawab dalam kerja2 luar atau teknikal dan mempunyai kebolehan yang istimewa dalam melaksanakan kerja2 mereka akan juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji:**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Januari, 1981.

(E/191/78)
(Bil: 173/1980)

## B.S.P. TENDER NOTICE NO. 24 80

Item 1. One Lot Small Tools.
e.g. Chisel, Drill, Screw Extractor, Dies, Spanner, etc.

Item 2. One Lot Fittings.
e.g. Nipple, Flange, Valves, Bend, Elbow, Reducer, Tee, etc.

Item 3. One Lot Scrap Bare Copper Wire.

Item 4. Approx. 20 Pc. Rejected I Beam and Casing.
I Beam, 2 Pcs — 6½" x 12" x + 50'.
Casing, 3 Pcs — 19" Dia. x 20' — 40'.
1 Pce — 12" Dia. x 20'.
2 Pcs — 10" Dia. x 40'.
8 Pcs — 9" Dia. x 20' — 40'.
4 Pcs — 8" Dia. x 10' — 25'.

Item 5. Approx. 130 Pcs. Rejected Corroded Pipe and Jacket Leg.
Pipe + 109 Pc. — 6" Dia. x 15' — 20'.
Jacket Leg + 15 Pc. — 10" Dia. x 10'.
+ 6 Pc. — 12" Dia. x 10'.

Item 6. Approx. 253 Pc. Blast Joint 3½" HCS BXP x 35".
Approx. 55 Pc. Casing Coupling N80 5" LTC.

Item 7. Approx. 98 Pc. N80 Pup Joint.
29 Pcs. — 9⅝" x 5'.
27 Pcs. — 9⅝" x 10'.
27 Pcs. — 9⅝" x 20'.
15 Pcs. — 9⅝" x 15'.

Item 8. Approx. 5 Pc. Carbon Steel Pipe.
1 Pce. — 10" Dia. x 40'.
2 Pcs. — 16" Dia. x 40'.
2 Pcs. — 20" Dia. x 40'.

Item 9. 1 Pce. I Beam 36" x 12" x 40'.
1 Pce. Jacket Can 48" Dia. x 40'.

Items can be viewed at the following places: —
Item 1 — SSU/24 (Main Warehouse)
Item 2-6 — SSU/242 (Main Yard, NIA)
Item 7-9 — SSU/212 (Main Yard, K.B.)

### TERMS OF TENDERING

1. Tenders shall be deemed to be irrevocable and open for acceptance by the Company for a period of 14 days from the closing date.
2. All tenderers should enclose a copy of their Bankers letter stating that the amount he is bidding could be paid within 10 days after the receipt of the COMPANY's written notice.
3. The items to be sold are sold on an 'as is' 'where is' basis and the successful tenderer must: —
   a) pay to the COMPANY the total sum tendered for within 10 calendar days after receipt of the COMPANY's written notice.
   b) remove the materials entirely at his own expense within 4 working days otherwise the COMPANY will treat this tender null and void, and or charge rent at the rate B$500.00 per day.
4. The COMPANY further reserves the right: —
   a) To refuse to accept any or all tenders submitted, and
   b) To withdraw any or all the items before acceptance of any tenderer's offer.
5. The COMPANY accepts no liability whatsoever for the sale of the above materials/equipment, which is sold subject to faults and defects, if any, and without any condition or warranty as to the quality and fitness for purpose required or otherwise. A letter of indemnity signed by the purchaser will be required by the COMPANY before release of goods.
6. In most cases the items to be sold may be viewed on any working day on application to: —
   Brunei Shell Petroleum Company Limited,
   Supplies Department
   Local Market Development and Disposal Section,
   SERIA.
   (SSU-15, Tel. No. NIA 536 or 403)
7. The closing date for receipt of Tenders shall be 8.00 a.m. on 18th December 1980. Tenders should be addressed in sealed envelopes to: —
   B.S.P. Co. Ltd.,
   Supplies Superintendent,
   SERIA.
   "Endorsed: Tender No. 24/80".
8. The submission of a tender shall be deemed to constitute acceptance by the Tenderers of all the terms of tendering set out herein.

## PUBLIC AUCTION

NOTICE is hereby given that a public auction of the under mentioned items of goods specified on the Schedule will be held on 13th December, 1980.

The sale will be subject to the following conditions:

1. The successful bidder will be required to pay cash and remove the goods from the site not later than seven days after the auction.
2. The successful bidder will also be required to pay Customs duty wherever applicable.
3. Any items of goods bought but not removed within this period of seven days will be forfeited resold.

**SCHEDULE**

**No. Description of Articles:**
1. Unclaimed Assets Property

**Place of Auction Sales:**
At the Compound of the District Police Station, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Time and Date of Auction Sale:**
13th December, 1980 at 9.00 a.m.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of Mattress Cover Case Single size 6' 3" x 2' 6" x 4" to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison. Quantity required 2000 pieces.
2. The tender should state price and delivery time. Sample can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.
3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, by 1200 hrs Saturday 20th December 1980.
4. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATA'AN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB 2' X 2' X 2" UNTOK JABATAN DAERAH TUTONG BAGI TAHUN 1981

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa bagi menghantar tawaran mereka untok membekalkan Concrete Slab bagi keperluan Jabatan Daerah Tutong.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB JABATAN DAERAH TUTONG UNTOK TAHUN 1981" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidat lewat pada 30hb Disember, 1980 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelian Concrete Slab itu boleh-lah di-perolehi daripada Pegawai Daerah Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan ter-ikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 184 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for: —

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG LABU ESTATE TEMBURONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 185 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for: —

REMEDIAL WORKS AT CHURCHILL MEMORIAL BUILDING (FISHERIES DEPARTMENT) BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 186 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for: —

THE SUPPLY AND DELIVERY OF CRUSHER-RUN STONES TO MILE 31½ LAMUNIN/RAMBAI ROAD, TUTONG DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 187 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for: —

THE CONSTRUCTION OF SECURITY FENCING TO RESERVED AREAS GADONG POLICE HEADQUARTERS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 189 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 16th December, 1980 for: —

RAISING EXISTING SEWER MANHOLES BANDAR SERI BEGAWAN AND TUTONG SEWERAGE SCHEME.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan Brunei.

**No. 190 OF 1980**

FRESH Tenders will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th January, 1981 for: —

SUPPLY OF WATER TOWER AT HOUSE OF Y.T.M. S.D. PENGIRAN PEMANCHA AT ISTANA DARUL-HANA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be seen and all particulars obtained at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 191 OF 1980**

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 23rd December, 1980 for: —

LEVELLING OF SITE FOR PROPOSED RESETTLEMENT AREA AT KAMPONG SERASA, MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 192 OF 1980**

FRESH Tenders will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 23rd December, 1980 for: —

THE GRASSING OF SELECTED AREAS AT POLICE HEADQUARTERS, GADONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## SUPPLY OF GROUND MACHINERY

TENDERS are invited for the supply of the following items to the Royal Brunei Polo Club:

a) 2 Nos. Massey Ferguson 135
b) 47 HP Tractor
c) 1 No. Howard Rolla Mower RL M72
d) 2 Nos. Howard Rota-slasher RS60.
e) 1 No. Howard Rotavator AR 60G
f) 1 No. MF 65 OFF Set Disc Harrow
g) 2 Nos. MF11 Spinner Broadcasters.

The items are to be delivered to Royal Brunei Polo Club, Jerudong Park, State of Brunei.

Tenders should be submitted under sealed plain cover marked "ROYAL BRUNEI POLO CLUB GROUND MACHINERY — CONFIDENTIAL" to the Secretary Brunei State Tenders Board not later than noon on Thursday 1st January 1981.

The Government of Brunei does not bind itself to accepting the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

### PUBLIC WORKS DEPARTMENT
### BANDAR SERI BEGAWAN WATER SUPPLY, STAGE 3
### KUALA BELAIT WATER SUPPLY, STAGE 2
### CONTRACT No. 8
### SUPPLY OF PIPES, SPECIALS, VALVES AND FITTINGS

TENDERS are invited from suitable firms for the supply to Brunei of steel pipes, and either asbestos cement or UPVC pipes, specials, valves and fittings for use on various proposed pipelines in the Bandar Seri Begawan, Tutong and Kuala Belait districts.

Tender documents are obtainable from the Consulting Engineers, Watson (S.E. Asia), at either of the following addresses: —

Room 40,
Hongkong Bank Chambers,
Bandar Seri Begawan.
Brunei.

OR

18th Floor,
Tunas Building,
Anson Road,
Singapore 0207.

Documents will only be issued to firms who have manufacturing ability or to the authorised agents of such firms.

Applications for documents must be accompanied by a Tender Deposit in the form of a crossed cheque for B$1,000.00 payable to the Government of Brunei. The deposit will be refunded to every unsuccessful tenderer who submits a bona-fide tender, but not to the successful tenderer.

Tenders are to be submitted to the Chairman of the Tenders Board not later than 12.00 noon on Monday, 27th January, 1981.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for

1) CATEGORY 4 —
TENDER No. SES/156-80
Erection of open storage shed at Carrier Complex.

2) CATEGORY 4 —
TENDER No. EPS/174-80
Bell 212, concrete Helipad at Anduki Airfield.

For further information please refer to Tender Notice on B.S.P. Tender Notice Boards.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

1. KETUA PEMBANTU TEKNIK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mesti-lah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari sa-sebuah Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam salah satu atau lebeh, dari lapangan2 berikut:—

Kejuruteraan Awam; Kerja2 Bangunan; Ukor Kuantiti; Kerja2 Kejuruteraan Mechanical; Kerja2 Ayer dan/atau Parit dan Tali Ayer; Kerja2 Saloran Najis dan Kerja2 Pembenaan Structural dan Jalan Raya. Satu kekosongan ada-lah untok chalon yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 pemasangan dan pemeliharaan 'panel' Kawalan Letrik; pemeliharaan dan pemasangan pam2 saloran najis.

**Tangga Gaji :**

C. 3-4 EB. 5 — B$1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 - 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU TEKNIK KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor di-antara 25 hingga 55 tahun.

b) Mempunyai Higher National Diploma dari Maktab Teknikal yang di-iktiraf atau City and Guilds Final Certificate dalam mata pelajaran2 yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang di-iktiraf sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai sekurang2-nya 4 tahun pengalaman praktikal dalam salah satu, atau lebeh, daripada lapangan2 berikut:—

Kejuruteraan Awam; Bangunan; Ukor Kuantiti; Kerja2 Ayer dan/atau Parit dan Tali Ayer; Kerja2 Saloran Najis; Kerja2 Kejuruteraan Mechanical; Kerja2 Pembenaan (Structural) dan Kerja2 Pembenaan dan Pemeliharaan Jalan Raya.

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Januari, 1981.

(E/162/73)
(Bil : 164/1980)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION TO PROPOSED CADET TRAINING ACCOMMODATION AT BANGAR CAMP

REGISTERED Class 'A' and 'B' Electrical Contractors with Brunei Electrical Department are invited to submit tender for the complete supply and installation of Electrical Services for Cadet Training Accommodation at Bangar Camp.

Tender document can be obtained from the office of Messrs Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 3rd December, 1980 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque in favour of Brunei Government refundable only to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 23rd December, 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed envelope marked :—TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR CADET TRAINING ACCOMMODATION AT BANGAR CAMP.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB 2' X 2' X 2" UNTOK JABATAN BANDARAN TUTONG BAGI TAHUN 1981

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa menghantar tawaran mereka untok membekalkan Concrete Slab bagi keperluan Jabatan Bandaran Tutong.

2. Semua tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Brunei dan hendak-lah di-masokkan dalam sampul surat berdaftar (sealed) dan sampul surat tersebut hendak-lah di-tulis dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKALKAN CONCRETE SLAB JABATAN BANDARAN TUTONG UNTOK TAHUN 1981" sahaja tanpa membuboh nama pengirim.

3. Semua tawaran hendak-lah sampai kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan Negara tidak lewat pada 30hb Disember, 1980 jam 4.00 petang dan jika ada tawaran yang di-terima lewat dari tarikh dan jam di-nyatakan itu tidak akan di-layan.

4. Penentuan2-nya (specification) bagi pembelian Concrete Slab itu boleh-lah di-perolehi daripada Pengerusi Lembaga Bandaran Tutong pada bila2 masa waktu pejabat di-buka (terutama-nya perkara yang bersangkutan dengan chara buatan dan bilangan yang di-kehendaki).

5. Kerajaan tidak akan terikat menerima sebarang tawaran yang lebeh murah atau sa-umpama-nya.

## TENDER NOTICE

### REMOVAL OF LUBRICATING OIL — ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

1. TENDERS are invited for the Removal Of Lubricating Oil from all Camps of the Royal Brunei Malay Regiment for a period of two years commencing 1st January, 1981.

3. The removal of Lubricating Oil is required every first week of calendar month. The tender is to state price per gallon on every collection made. Enquires on removal instructions can be made to DAQMG 2 Office, Regimental Headquarters, Berakas Garrison.

4. Tenders are to be submitted to the Chairman Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 4.00 p.m. Saturday 30th December 1980. All tenders to be submitted in a plain sealed envelope and should be endorsed "REMOVAL OF LUBRICATING OIL ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARISON".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pekerja Kebajikan dan Belia

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pekerja Kebajikan dan Belia di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sowan.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 4 mata pelajaran Perengkat 'O' (Brunei Cambridge) atau yang sebanding dengan-nya.

b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kebolehan menulis dan bertutor dalam Bahasa Inggeris.

c) Chalon2 yang mempunyai pengalaman di-dalam kerja2 Kebajikan Masharakat ada-lah di-utamakan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 20hb Januari, 1981.

(E/995/75)
(Bil : 172/1980)

## TENDER NOTICE

### SUPPLY OF HEAVY DUTY PLASTIC RUBBISH BINS

1. TENDERS are invited for the supply of Heavy Duty Plastic Rubbish Bins for one year commencing 1st January 1981. The total quantity required is 1500 Bins. The size is 85 liters and 3 mm thick.

2. Delivery is required in 12 phases, each delivery comprise of 125 bins and to take place on the first week of each calendar month to Transit, Royal Brunei Malay Regiment, Logistics Depot, Berakas Garrison.

3. Enquires on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

4. Tenders will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Thursday 11th December 1980.

5. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF HEAVY DUTY PLASTIC RUBBISH BINS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON."

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest tender.

## PREQUALIFICATION TO TENDER

### ELECTRICAL AND AIR CONDITIONING INSTALLATION TO NEW P.S.C. BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI PREQUALIFICATION TO TENDER

APPLICATIONS are invited from experienced contractors who may wish to be considered for the following works.

PART A Air Conditioning Installation consisting of :—

1) Supply and installation of three (3) numbers 200TR capacity hermetic certrifugal chillers, associated cooling towers, water pumps, AHU, fan coil and equipment. One of the chillers will be on standby.
2) All automatic control equipment, ductworks, pipings, wirings and associated works for the whole A/C system.

PART B Electrical Installation, comprising :—

1) Internal electrical wiring, telephone wiring and intercom system, main and other switchboards, sub-mains and cables and other associated works.
2) Luminaries of various applications.
3) Emergency system and standby generators.
4) Compound lighting and cabling to subswitchboards.
5) Fire alarm system.

Interested contractors are requested to provide full information for selection giving details as listed below:—

1) Organisation of firm complete with technical personnel, equipment and plant for this project.
2) Experience of the firm and list of similar works carried out.
3) Financial position (banker's statement) for last 3 years.

Applications to be submitted and to reach the address below not later than 10th January, 1981.

The Director,
Public Work Department,
Bandar Seri Begawan, Brunei
with copy to :
Leeng Consulting Engineering,
P O Box 2257,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Sabah Akitek dan Rakan2,
P O Box 2316,
Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Sa-bagai Tradesman Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tradesman Tingkat I di-Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya.

b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya tiga tahun dan mempunyai pengalaman dalam pekerjaan sa-bagai Mekanik Injin yang menggunakan minyak petrol.

c) Pemohon2 yang mempupunyai Sijil Kelulusan Teknikal ada-lah satu kelebehan.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Januari, 1981.

(E/436/72)
(Bil : 165/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. registered Class 'A' Contractor for :—

PROPOSED EXTENSION TO PRIMARY SCHOOL AT KIUDANG, JALAN KUALA ABANG, TUTONG.

2. Tender documents may be obtained from the office of:—

Akitek Ibrahim
210, Perdana
Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

from 8th December 1980 onwards during normal office hours, upon the payment of the tender deposit of $1,000.00 made in favour of the Government of Brunei.

3. Tenders must be submitted in the envelopes provided and must reach the office of:—

The Chairman,
Tenders Board,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

not later than 12.00 noon 30th December 1980. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

4. Tenders deposit will be refunded to non-successful tenderers who have submitted bona-fide tender and on the return of tender documents in good condition.

5. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

TENDERS are invited from Registered Contractors for the following works at the 22 new houses at Luahan Station on the Student Settlement Projec Site :—

1. Exterior and Interior Painting.
2. Electrical Installation (including site office, store and poultry processing unit).
3. Water supply installation.
4. Septic Tank Construction.

Details may be obtained from the Agriculture Office i/c. Project Luahan, Luahan Station (Telephone No. 85-458).

Tenders should be submitted under sealed cover marked : "Painting / Electricity / Water Supply/Septic Tanks for Luahan Project Houses—Department of Agriculture" to the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei, not later than 12.00 noon on Wednesday 24th December, 1980.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of :

| No. | Items | Qty. |
|---|---|---|
| a. | Round Tray 20" | 12 |
| b. | Large Melamine Oval Plate | 100 |
| c. | Fork Table Steel | 300 |
| d. | Serving Spoon Steel | 300 |
| e. | Cup and Saucer | 300 |
| f. | Tea Pot Steel | 24 |
| g. | Round Plate Melamine Small | 300 |
| h. | Large Round Melamine Plate | 300 |
| i. | Medium Melamine Oval Plate | 100 |

2. The tender should state price. Samples can be made to DAGMQ 2 Office, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Saturday 13th December 1980.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF MELAMINE ITEMS TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS GARRISON".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# Perbekalan gas asli di-lanchar



YANG Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pada hari Sabtu lepas telah merasmikan pelancharan perbekalan bahan bakar gas asli ka-Steshen Tenaga Letrik Gadong.

Usaha2 penukaran bahan bakar perbekalan tenaga letrik dari minyak diesel ka-gas asli itu telah di-selenggarakan bersama oleh pehak Sharikat Minyak Shell dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan perbelanjaan sa-banyak $30 juta.

Dengan penukaran perbekalan bahan bakar yang di-salorkan melalui paip gas yang di-pasang dari Lumut ka-Gadong itu di-jangka akan dapat memenohi kehendak2 perkembangan dan pertumbohan janakuasa yang akan datang sa-lain dari ia-nya akan dapat mengurangkan belanja harian menjalankan jentera turbine dengan berpuloh kali ganda.

Kelihatan (gambar sebelah atas), YB Setia Usaha Kerajaan ketika menarek tirai papan sa-bagai menandakan perasmian pelancharan penukaran perbekalan bahan bakar tenaga letrik hari itu.

# Pepereksaan L.C.C.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan2 kini sedang di-buat bagi mengadakan Pepereksaan London Chamber of Commerce and Industry bagi satu2 perkara dalam bulan Mei tahun depan.

Di-antara perkara2 yang di-adakan dalam pepereksaan tersebut ia-lah Ilmu Menyimpan Kira2, Trengkas, Menaip, Akaun, Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris untok perdagangan, di-perengkat2 permulaan, menengah dan tertinggi di-dua buah pusat di-SOASC dan AAC, Seria.

Borang2 permohonan boleh di-dapati di-Pejabat Lembaga Pepereksaan Brunei. Borang2 permohonan yang sudah di-isi, dan bayaran2 pepereksaan yang di-buat sama ada dengan wang tunai atau pun chek, hendak-lah sampai di-Pejabat Lembaga Pepereksaan, Bandar Seri Begawan mulai 20hb Disember, 1980 hingga 21hb Januari, 1981. Permohonan yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

PERUTUSAN Minggu Kesihatan daripada Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Utama Awang Haji Umar.

# "Sa-tiap penyakit ada ubat-nya"

MAKLUMAT2 yang di-perolehi sa-takat ini menunjokkan chuma ada satu-dua kawasan sahaja yang di-dapati menjadi sarang nyamok Aedes di-negeri ini, dan bilangan orang yang di-serang demam denggi juga tidak-lah ramai.

Dalam pada itu, ada-lah menjadi kewajipan kita mengawal-nya dari terus membiak dan merebak. Sa-bahagian gagasan yang di-sarankan oleh Nabi kita bahawa "Sa-tiap penyakit ada ubat-nya" ada-lah memberi makna yang menyeru kita berikhtiar mengubati penyakit. Tentu-lah dalam makna mengubati itu ia-lah mengikhtiarkan sa-barang langkah mengawal dan menchegah puncha2 yang menyebabkan-nya. Maka dari segi ini-lah, kempen MINGGU KESIHATAN tahun ini yang menyerukan kita membebaskan negeri ini dari nyamok Aedes itu patut mendapat sambutan dari seluroh penduduk terutama yang tinggal di-kawasan2 yang menjadi sarang-nya.

Sa-sunggoh-nya, kita pada umom-nya telah menekmati taraf kesihatan yang baik. Taraf kesihatan yang baik bagi sa-sebuah negeri selalu-nya di-hubongkan dengan taraf hidup raayat dan pendudok-nya yang sa-makin bertambah baik dan tinggi. Maka demikian-lah kedudokan kita yang sa-benar-nya, yakni kita menekmati taraf hidup yang sa-makin baik dan tinggi yang memungkinkan kita memberi perhatian berat kapada pemeliharaan kesihatan. Sa-sunggoh-nya ini kita chapai dengan izin Allah s.w.t. juga.

Sa-takat sekarang, alhamdulillah kita sentiasa terpelihara dari di-landa oleh wabak2 penyakit. Dan dalam banyak hal yang telah lalu kita segera dapat mengesan sa-tiap wabak penyakit dan mengawal serta mengatasi-nya dengan baik. Memang-lah hal itu menandakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang aktif lagi berkesan. Namun lebeh dari itu jangan-lah pula di-lupakan hakikat betapa kita sa-benar-nya telah mendapat perlindongan daripada Allah. Dengan kerana rahmat dan hikmat-Nya jua-lah kita sa-takat ini menekmati taraf hidup yang sa-makin baik dan tinggi dan sekali gus menekmati pula taraf kesihatan yang baik.

Tentu-lah pula di-fahami sa-lanjut-nya betapa dalam menekmati taraf kesihatan yang baik itu kita wajib menshukori Allah s.w.t. Dalam hubongan ini, menshukori-Nya itu termasok-lah mengikhtiarkan sa-barang langkah menchegah sa-barang puncha yang menyebabkan penyakit saperti nyamok Aedes itu. Kita yakin, dengan berbuat demikian dan dengan menambahkan lagi keta'atan kapada Allah, negeri kita ini berserta segala isi di-dalam-nya akan sentiasa dalam peliharaan serta perlindongan-Nya.

Akhir-nya, saya sukachita menguchapkan terima kaseh kapada semua pehak yang menjayakan kempen tahun ini. Mudah2an sumbangan tenaga dan fikiran yang di-berikan akan di-berkati Allah jua.

# Jadikan Bahasa Melayu bahasa ilmu

GADONG. — Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani telah menyarankan semua pehak supaya menjadikan ukoran penggunaan Bahasa Inggeris terus di-pertinggikan di-semua perengkat persekolahan di-negeri ini.

Menurut-nya, hanya dengan langkah tersebut kita akan boleh melahirkan kaum intelek negeri ini yang akan berkeupayaan untok memahami bahan2 bachaan berbentok buku2 ilmiah yang kemudian-nya boleh di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu.

Dengan jalan itu kata-nya, pembangunan negara akan dapat di-cahapai dengan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa ilmu, bahasa komunikasi antarabangsa, bahasa politik dan bahasa perdagangan dalam segala bidang kehidupan.

"Dan sudah tentu dengan itu imej dan status Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara yang tunggal tidak akan tergugat hingga bila2 masa," jelas-nya dengan penoh yakin.

Pemangku Pengarah DBP telah beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Seminar Pendidekan Kali Kedua yang telah berlangsong di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah di-sini Ahad lalu.



Pg. Badaruddin ketika merasmikan seminar tersebut.

Seminar tersebut berthemakan Peranan Bahasa Inggeris, Sains dan Ilmu Hisab dalam tahun 80an telah di-sertai oleh lebeh 200 orang peserta dari sekolah2 dan jabatan2 kerajaan.

"Sudah sampai masa-nya kita mengambil langkah bagi menetapkan dasar pengajaran Bahasa Inggeris sa-bagai bahasa untok menimba ilmu pengetahuan dalam mana Bahasa Inggeris di-ajarkan untok memungkinkan sa-tiap pelajar dapat memahami buku2 teks dalam disiplin2 ilmu yang mereka pelajari," jelas Pengiran Badaruddin.

Menyentoh tentang penemuan2 dan perkembangan di-bidang sains dan teknoloji, Pemangku Pengarah DBP menyatakan, "Islam-lah yang menjadi puncha utama dan sumber sa-benar bagi perkembangan dan kemajuan sains moden waktu ini."

"Kitab suchi Al-Kor'an bukan sahaja mengandongi pembicharaan mengenai soal2 ibadah dan hukum2 Allah tetapi juga mengandongi segala ilmu pengetahuan yang berguna yang menjadi pendorong kapada penganut2 Islam untok mengakas dan mengunjar ilmu dalam segala bidang terutama di-bidang sains," ujar-nya.

Di-seminar tersebut tiga kertas kerja masing2 di-tulis oleh Prof. Dr. Hajjah Asmah Haji Omar, Dr. Serudin bin Dato Setiawan Haji Tinggal, dan Prof. Dr. Fatimah Hamid-Don, telah di-bentangkan.

# Dr. Morni tetamu pelajar B.E.S.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dr. Morni bin Othman, Pegawai Pertanian Kanan akan menjadi tetamu kehormat bagi pelajar2 Sekolah Inggeris Berakas di-sambutan Hari Pelajar sekolah itu pada hari Rabu depan.

Awang Morni juga di-jangka akan memberikan uchapan kapada pelajar2 sekolah itu dan sambutan pada tahun ini akan berthemakan Pelajaran Raayat Merupakan Kekayaan Negara Sa-benar-nya.

Beliau juga di-jangka akan menyampaikan hadiah2 kapada penuntut2 terbaik sekolah itu dan seterus-nya akan sama2 menyaksikan kegiatan pelajar2 dalam pasokan2 kebajikan beruniform.

Sa-banyak 6 pasokan beruniform dari pelajar2 sekolah itu akan menunjokkan kechekapan selaku Kadet Askar, Kadet Polis, Kadet Bomba, Pengakap, Palang Merah dan Pandu Puteri dalam satu Perbarisan kehormat di-padang sekolah itu.

Antara achara2-nya ia-lah permainan pancharagam sekolah itu, kawat Kadet Polis, Latehan Jasmani dan pertunjokkan tatoo.

Satu pameran dari jabatan2 Kerajaan termasok Bomba, AMDB, Kebajikan Belia dan Sokan, Jabatan Ukor dan lain2 jabatan yang berkenaan juga akan di-adakan.

# *Alaon rumah ka-pejabat*

Dari muka 1

Pegawai2 dalam bahagian II yang di-kehendaki menggunakan kereta untok menjalankan tugas masing2 akan menerima bayaran maksima alaon perjalanan tetap sa-banyak $150.00 sa-bulan; tidak ada bayaran bagi 200 batu pertama, tetapi menerima bayaran 22 sen sa-batu sa-lepas itu. Pegawai2 yang lain dari bahagian yang sama akan menerima $37.00 sa-bulan alaon perjalanan tetap dan dalam hitong batu tidak ada bayaran bagi 50 batu pertama, tetapi di-bayar 72 sen sa-batu bagi 150 batu berikut-nya dan 22 sen sa-batu sa-lepas itu.

Pegawai2 dalam bahagian III atau IV yang menggunakan kereta bagi menjalankan tugas-nya akan menerima alaon tetap $115.00 sa-bulan dan bagi alaon hitong batu tidak ada bayaran bagi 200 batu pertama, tetapi akan di-bayar 22 sen sa-batu sa-lepas itu.

Semua pegawai2 dalam bahagian I, II, III, IV atau V yang tidak menerima alaon perjalanan tetap tetapi menggunakan kereta mereka untok maksud2 menjalankan tugas akan di-bayar sa-chara alaon hitong batu sa-banyak 72 sen sa-batu bagi 140 batu pertama dan 22 sen sa-batu sa-lepas itu.

Pegawai2 dalam bahagian II, III, IV atau V yang di- kehendaki menggunakan motosikal bagi maksud2 menjalankan tugas dan perjalanan-nya melebehi 200 batu sa-bulan akan di-bayar alaon perjalanan tetap maksima sa-banyak $46.00 sa-bulan dan alaon hitong batu tidak ada bagi 200 batu pertama, tetapi di-bayar 7 sen sa-batu sa-lepas itu.

Pegawai2 lain dalam bahagian yang sama, tidak ada alaon tetap di-untokkan, tetapi akan di-bayar alaon hitong batu sa-banyak 23 sen sa-batu bagi 100 batu yang pertama dan 12 sen bagi 100 batu yang berikut-nya dan 7 sen sa-batu sa-lepas itu.

Yang bertugas dengan menggunakan skuter bermotor dengan perjalanan melebehi 200 batu sa-bulan akan menerima alaon tetap sa-banyak $32.00 sa-bulan; tidak ada bayaran bagi 200 batu pertama dan 4 sen akan di-bayar bagi tiap2 sa-batu sa-lepas itu.

Pegawai yang perjalanannya tidak melebehi 200 batu tidak akan menerima alaon tetap tetapi akan menerima alaon hitong batu 21 sen sa-batu bagi 100 batu pertama; 10 sen sa-batu bagi 100 batu yang berikut-nya dan 4 sen sa-batu sa-lepas itu.

Satu kadar baru pembayaran alaon perjalanan dari rumah ka-pejabat bagi kakitangan Kerajaan telah di-kuat-kuasakan mulai 1hb. Disember, 1980.

Bayaran minima sa-banyak $29.00 bagi perjalanan lebeh dari 3 batu dan tidak melebehi 6 batu dan bayaran maksima sa-banyak $58.00 bagi perjalanan sa-jauh lebeh daripada 27 batu. Ini ada-lah alaon bagi penggunaan kereta. Sementara bayaran bagi motorsikal dan motorsangkut bagi perjalanan yang sama ada-lah antara minima $9.00 membawa maksima ka-$19.00 sa-bulan.

Alaon basikal juga telah di-naikkan dari $8.00 ka-$10.00 sa-bulan.

Dari muka 1

merdeka tulin pada tahun 1983. Yang Dimuliakan Pehin OKID Awang Haji Musa berkata: "Hamba2 Duli Tuan Patek sekalian sunggoh berminat dalam mengikuti usaha2 berkebajikan yang telah dan yang sedang di-jalankan oleh Kerajaan DYMM. Usaha2 itu termasok-lah memberikan latehan2 kapada anak2 tempatan untok mendapatkan kemahiran dalam segala jurusan untok membangun sa-buah negara yang aman, makmor dan sejahtera."

# Peraduan Kor'an PERTIWI Lurong Dalam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 14 orang peserta lelaki dan 7 orang peserta perempuan dari Persatuan2 Belia dan Kebajikan serta pendudok2 Kampong Ayer telah ikut bertanding dalam satu Peraduan Membacha Kitab Suchi Al-Kor'an yang berlangsong di-Sekolah Ugama Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Kampong Lurong Dalam pada hari Ahad lepas, 7hb. Disember, 1980.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Persatuan PERTIWI Kampong Lurong Dalam itu telah di-rasmikan oleh Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie, Pengerusi Tertinggi Persatuan PERTIWI Brunei, dan di-adakan sempena menyambut awal tahun Hijrah 1401.

Dalam bahagian lelaki, tempat pertama di-menangi oleh Awg. Metussin bin Hj. Mohammad dari Kampong Pekan Lama, Naib johan jatoh kapada Awg. Mahlee bin Hj. Awg. Besar dari Persatuan KEMUKA Brunei dan Awg. Mansor bin Hj. Awg. Damit, wakil dari Persatuan PERKASA memenangi tempat ketiga.

Sementara itu, dalam bahagian perempuan, tempat pertama di-sandang oleh Dy. Saliah bte Hj. Abd. Latif dari Kampong Burong Pingai Ayer, kedua di-menangi oleh Dy. Nauyah bte Haji Munap, dari Kampong Setia Pahlawan, sementara Dy. Hjh. Hidup bte Hj. Hussin dari Kampong Saba Ujong, mendudoki tempat ketiga.

Hadiah2 dan sijil2 kapada peserta2 peraduan telah di-sampaikan oleh Awg. Abd. Rahman bin Haji Abu Bakar, Ketua Kampong Lurong Dalam.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.